



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 659

AKTA KEPENTINGAN ANTARABANGSA MENGENAI KELENGKAPAN BERGERAK (PESAWAT UDARA) 2006

Sebagaimana pada 1 November 2012

Tarikh Perkenan Diraja	30 Ogos 2006
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	31 Ogos 2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 659****AKTA KEPENTINGAN ANTARABANGSA
MENGENAI KELENGKAPAN BERGERAK
(PESAWAT UDARA) 2006**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak dan Protokol kepada Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara
3. Tafsiran
4. Mahkamah yang berkaitan
5. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
6. Ketidapkakaian Akta lain
7. Undang-undang yang dipakai

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 659

AKTA KEPENTINGAN ANTARABANGSA MENGENAI KELENGKAPAN BERGERAK (PESAWAT UDARA) 2006

Suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak, dan Protokol kepada Konvensyen itu tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[19 Oktober 2006; P.U. (B) 281/2006]

BAHAWASANYA Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak telah dibuka untuk tandatangan di Cape Town pada 16 November 2001;

DAN BAHAWASANYA Protokol kepada Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara telah dibuka untuk tandatangan di Cape Town pada 16 November 2001;

DAN BAHAWASANYA Malaysia telah mendepositkan surat cara kesertaannya pada 2 November 2005 dan oleh yang demikian mengikut Perkara 49 Konvensyen dan Perkara XXVIII Protokol itu, Konvensyen dan Protokol tersebut mula berkuat kuasa setakat yang berkenaan dengan Malaysia pada 1 Mac 2006:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak dan Protokol kepada Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara

2. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Protokol kepada Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang di Malaysia dan bagi maksud itu ditafsirkan mengikut peruntukan Akta ini.

(2) Walau apa pun Perkara 2 Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak, Akta ini hendaklah terpakai berkenaan dengan objek pesawat udara sahaja.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“Konvensyen Cape Town” ertinya Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi penerbangan awam;

“objek pesawat udara” ertinya apa-apa kerangka pesawat udara, enjin pesawat udara dan helikopter sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perkara I(2) Protokol Pesawat Udara;

“Protokol Pesawat Udara” ertinya Protokol kepada Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara.

Mahkamah yang berkaitan

4. Menurut Perkara 53 Konvensyen Cape Town, semua mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa hendaklah menjadi mahkamah yang berkaitan bagi maksud Perkara 1 dan Bab XII Konvensyen itu.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

5. Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik, secara amnya mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pelaksanaan Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara dan apa-apa pindaan terhadap Konvensyen dan Protokol itu.

Ketidakpakaian Akta lain

6. (1) Subseksyen 108(3) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] tidak terpakai bagi gadaian ke atas mana-mana objek pesawat udara yang tergolong dalam ruang lingkup Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara.

(2) Subseksyen 4(3) Akta Undang-Undang Sivil 1956 [*Akta 67*] tidak terpakai bagi mana-mana penyerahhakan yang tergolong dalam ruang lingkup Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara.

Undang-undang yang dipakai

7. (1) Tertakluk kepada seksyen 6, peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan pembiayaan dan pemajakan objek pesawat udara, pewujudan kepentingan antarabangsa mengenai objek pesawat udara dan pendaftarannya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), setakat yang apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan perkara yang tertakluk kepada Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara, peruntukan Akta ini hendaklah dipakai dan peruntukan yang bercanggah atau yang tidak selaras dalam mana-mana undang-undang bertulis lain itu hendaklah, setakat yang percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(1)]

KONVENSYEN TENTANG KEPENTINGAN ANTARABANGSA MENGENAI KELENGKAPAN BERGERAK

PIHAK NEGARA KEPADA KONVENSYEN INI,

MENYEDARI keperluan untuk memperoleh dan menggunakan kelengkapan bergerak yang bernilai tinggi atau yang mempunyai kepentingan ekonomi tertentu dan untuk memudahkan pembiayaan pemerolehan dan penggunaan kelengkapan itu mengikut cara yang efisien,

MENGIKTIRAF kelebihan pembiayaan dan pajakan berasaskan aset bagi maksud ini dan berhasrat untuk memudahkan jenis transaksi ini dengan mengadakan kaedah-kaedah yang jelas untuk mentadbirkan pembiayaan dan pajakan berasaskan aset itu,

MENGETAHUI keperluan untuk memastikan bahawa kepentingan mengenai kelengkapan itu diiktiraf dan dilindungi di serata dunia,

BERHASRAT untuk memberikan faedah ekonomi yang luas dan bersama bagi semua pihak yang berkepentingan,

MEMPERCAYAI bahawa kaedah-kaedah itu mestilah mencerminkan prinsip yang menjadi dasar kepada pembiayaan dan pajakan berasaskan aset itu dan menggalakkan autonomi pihak-pihak yang perlu dalam transaksi ini,

MENGERTI akan keperluan untuk mengadakan suatu rangka undang-undang bagi kepentingan antarabangsa mengenai kelengkapan itu dan bagi maksud itu untuk mewujudkan suatu sistem pendaftaran antarabangsa bagi perlindungan mereka,

MENGAMBIL KIRA objektif dan prinsip yang dinyatakan dalam Konvensyen yang sedia ada yang berhubungan dengan kelengkapan itu,

TELAH BERSETUJU dengan peruntukan yang berikut:

Bab I

Bidang pemakaian dan peruntukan am

Perkara 1 – Takrif

Dalam Konvensyen ini, kecuali jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah yang berikut digunakan bersama-sama dengan erti yang dinyatakan di bawah:

- (a) “perjanjian” ertinya suatu perjanjian cagaran, perjanjian perizaban hakmilik atau perjanjian pajakan;
- (b) “penyerahkan” ertinya suatu kontrak yang, sama ada melalui cagaran atau selainnya, memberi kepada pemegang serah hak hak bersekutu dengan atau tanpa suatu pindah milik kepentingan antarabangsa yang berkaitan;
- (c) “hak bersekutu” ertinya semua hak kepada bayaran atau pelaksanaan lain oleh seseorang penghutang di bawah suatu perjanjian yang dicagarkan oleh atau bersekutu dengan objek;
- (d) “pemulaan prosiding ketidakmampuan bayar” ertinya masa yang prosiding ketidakmampuan bayar itu disifatkan bermula di bawah undang-undang ketidakmampuan bayar yang terpakai;
- (e) “pembeli bersyarat” ertinya seseorang pembeli di bawah perjanjian perizaban hakmilik;
- (f) “penjual bersyarat” ertinya seseorang penjual di bawah perjanjian perizaban hakmilik;
- (g) “kontrak jualan” ertinya sesuatu kontrak bagi penjualan sesuatu objek oleh seseorang penjual kepada seseorang pembeli yang bukan merupakan suatu perjanjian sebagaimana yang ditakrifkan dalam (a) di atas;
- (h) “mahkamah” ertinya suatu mahkamah undang-undang atau tribunal pentadbiran atau timbang tara yang ditubuhkan oleh suatu Negara Pejanji;
- (i) “pemiutang” ertinya seseorang pemegang gadaian di bawah suatu perjanjian cagaran, penjual bersyarat di bawah perjanjian perizaban hakmilik atau pemberi pajak di bawah perjanjian pajakan;
- (j) “penghutang” ertinya seseorang penggadai di bawah suatu perjanjian cagaran, pembeli bersyarat di bawah suatu perjanjian perizaban hakmilik, penerima pajak di bawah perjanjian pajakan atau seseorang yang kepentingannya mengenai sesuatu objek dibebankan oleh hak atau kepentingan bukan sepersetujuan boleh daftar;
- (k) “pentadbir ketidakmampuan bayar” ertinya seseorang yang diberi kuasa untuk mentadbirkan penyusunan semula atau pelikuidasian, termasuklah seorang yang diberi kuasa secara interim, dan termasuklah penghutang dalam milikan jika dibenarkan oleh undang-undang ketidakmampuan bayar yang terpakai;

- (l) “prosiding ketidakmampuan bayar” ertinya kebangkrapan, pelikuidasian atau prosiding kehakiman atau pentadbiran kolektif lain, termasuklah prosiding interim, yang aset dan hal ehwal penghutang adalah tertakluk kepada kawalan atau penyeliaan oleh mahkamah bagi maksud penyusunan semula atau pelikuidasian;
- (m) “orang yang berkepentingan” ertinya:
- (i) penghutang;
 - (ii) mana-mana orang yang, bagi maksud menjamin pelaksanaan mana-mana obligasi yang memihak kepada pemiutang, memberikan atau mengeluarkan suatu jaminan atau meminta gerenti atau surat kredit tunggu sedia atau apa-apa bentuk insurans kredit yang lain;
 - (iii) mana-mana orang lain yang mempunyai hak mengenai atau ke atas objek;
- (n) “transaksi dalaman” ertinya transaksi daripada jenis yang disenaraikan dalam Perkara 2(2)(a) hingga (c) tempat pusat kepentingan utama semua pihak kepada transaksi itu terletak, dan objek yang berkaitan berada (sebagaimana yang dinyatakan dalam Protokol), dalam Negara Pejanji yang sama pada masa kontrak itu dibuat dan tempat kepentingan yang diwujudkan oleh transaksi itu telah didaftarkan di pejabat pendaftaran negara dalam Negara Pejanji itu yang telah membuat suatu perisytiharan di bawah Perkara 50(1);
- (o) “kepentingan antarabangsa” ertinya suatu kepentingan yang dipegang oleh seseorang pemiutang yang baginya Perkara 2 terpakai;
- (p) “Pejabat Pendaftaran Antarabangsa” ertinya kemudahan pendaftaran antarabangsa yang ditubuhkan bagi maksud Konvensyen ini atau Protokol;
- (q) “perjanjian pajakan” ertinya suatu perjanjian yang melaluinya satu orang (pemberi pajak) memberikan hak milikan atau kawalan sesuatu objek (dengan atau tanpa pilihan untuk membeli) kepada seorang lain (penerima pajak) sebagai balasan bagi sewa atau bayaran lain;
- (r) “kepentingan negara” ertinya suatu kepentingan yang dipegang oleh seseorang pemiutang mengenai sesuatu objek dan diwujudkan melalui transaksi dalaman yang diliputi oleh perisytiharan di bawah Perkara 50(1);
- (s) “hak atau kepentingan bukan sepersetujuan” ertinya suatu hak atau kepentingan yang diberikan di bawah undang-undang Negara Pejanji yang telah membuat suatu perisytiharan di bawah Perkara 39 untuk menjamin pelaksanaan sesuatu obligasi, termasuklah suatu obligasi kepada sesuatu Negara, entiti Negara atau organisasi antara kerajaan atau swasta;
- (t) “notis tentang kepentingan negara” ertinya notis yang didaftarkan atau kena didaftarkan dalam Pejabat Pendaftaran Antarabangsa bahawa suatu kepentingan negara telah diwujudkan;

Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 11

- (u) “objek” ertinya sesuatu objek daripada kategori yang baginya Perkara 2 terpakai;
- (v) “hak atau kepentingan yang wujud terlebih dahulu” ertinya sesuatu hak atau kepentingan daripada apa-apa jenis mengenai atau ke atas sesuatu objek yang diwujudkan atau yang timbul sebelum tarikh kuat kuasa Konvensyen ini sebagaimana yang ditakrifkan oleh Perkara 60(2)(a);
- (w) “hasil” ertinya hasil wang atau bukan wang sesuatu objek yang timbul daripada kerugian keseluruhan atau separa atau kemusnahan fizikal objek itu atau perampasan, pengkondeman atau rekuisisi keseluruhan atau separanya;
- (x) “penyerahhakan prospektif” ertinya sesuatu penyerahhakan yang bertujuan untuk dibuat pada masa hadapan, apabila berlakunya suatu peristiwa yang dinyatakan, sama ada atau tidak berlakunya peristiwa itu adalah pasti;
- (y) “kepentingan antarabangsa prospektif” ertinya sesuatu kepentingan yang bertujuan untuk diwujudkan atau diperuntukkan mengenai sesuatu objek sebagai suatu kepentingan antarabangsa pada masa hadapan, apabila berlakunya suatu peristiwa yang dinyatakan (yang boleh termasuk pemerolehan sesuatu kepentingan mengenai objek oleh penghutang), sama ada atau tidak berlakunya peristiwa itu adalah pasti;
- (z) “jualan prospektif” ertinya suatu jualan yang bertujuan untuk dibuat pada masa hadapan, apabila berlakunya suatu peristiwa yang dinyatakan, sama ada atau tidak berlakunya peristiwa itu adalah pasti;
- (aa) “Protokol” ertinya, berkenaan dengan mana-mana kategori objek dan hak bersekutu yang baginya Konvensyen ini terpakai, Protokol berkenaan dengan kategori objek itu dan hak bersekutu;
- (bb) “didaftarkan” ertinya didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Antarabangsa menurut Bab V;
- (cc) “kepentingan berdaftar” ertinya suatu kepentingan antarabangsa, hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang boleh didaftarkan atau kepentingan negara yang dinyatakan dalam notis sesuatu kepentingan negara yang didaftarkan menurut Bab V;
- (dd) “hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang boleh didaftarkan” ertinya suatu hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang boleh didaftarkan menurut perisytiharan yang disimpan di bawah Perkara 40;
- (ee) “Pendaftar” ertinya, berkenaan dengan Protokol, orang atau badan yang ditetapkan oleh Protokol itu atau yang dilantik di bawah Perkara 17(2)(b);
- (ff) “peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat atau diluluskan oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan menurut Protokol;
- (gg) “jualan” ertinya suatu pemindahan pemunyaan sesuatu objek menurut suatu kontrak jualan;

- (hh) “obligasi bercagar” ertinya suatu obligasi yang dicagarkan oleh kepentingan cagaran;
- (ii) “perjanjian cagaran” ertinya suatu perjanjian yang melaluinya penggadai memberikan atau bersetuju untuk memberikan kepada pemegang gadaian suatu kepentingan (termasuklah kepentingan pemunyaan) mengenai atau ke atas sesuatu objek untuk memastikan pelaksanaan mana-mana obligasi yang sedia ada atau pada masa hadapan bagi penggadai atau orang ketiga;
- (jj) “kepentingan cagaran” ertinya suatu kepentingan yang diwujudkan oleh perjanjian cagaran;
- (kk) “Pihak Berkuasa Penyeliaan” ertinya, berkenaan dengan Protokol, Pihak Berkuasa Penyeliaan yang disebut dalam Perkara 17(1);
- (ll) “perjanjian perizaban hakmilik” ertinya suatu perjanjian bagi penjualan suatu objek atas terma bahawa pemunyaan tidak berpindah sehingga syarat atau syarat-syarat yang dinyatakan dalam perjanjian itu dipenuhi;
- (mm) “kepentingan tidak berdaftar” ertinya suatu kepentingan sepersetujuan atau hak atau kepentingan bukan sepersetujuan (selain kepentingan yang baginya Perkara 39 terpakai) yang belum didaftarkan, sama ada atau tidak kepentingan itu boleh didaftarkan di bawah Konvensyen ini; dan
- (nn) “bertulis” ertinya suatu rekod maklumat (termasuklah maklumat yang dikomunikasikan melalui teletransmisi) yang adalah dalam bentuk ketara atau bentuk lain dan boleh dihasilkan semula dalam bentuk ketara pada masa kemudiannya dan yang menunjukkan melalui cara yang munasabah kelulusan seseorang bagi rekod itu.

Perkara 2 – Kepentingan antarabangsa

1. Konvensyen ini mengadakan peruntukan bagi pembentukan dan kesan sesuatu kepentingan antarabangsa mengenai kategori kelengkapan bergerak dan hak bersekutu yang tertentu.
2. Bagi maksud Konvensyen ini, sesuatu kepentingan antarabangsa mengenai kelengkapan bergerak ialah suatu kepentingan, yang dibentuk di bawah Perkara 7, mengenai objek yang boleh dikenal pasti dengan uniknya sesuatu kategori objek yang disenaraikan dalam perenggan 3 dan ditetapkan dalam Protokol:
 - (a) diberikan oleh penggadai di bawah perjanjian cagaran;
 - (b) terletak hak pada seseorang yang merupakan penjual bersyarat di bawah perjanjian perizaban hakmilik; atau
 - (c) terletak hak pada seseorang yang merupakan pemberi pajak di bawah perjanjian pajakan.

Suatu kepentingan yang termasuk dalam subperenggan (a) juga tidak termasuk dalam subperenggan (b) atau (c).

3. Kategori yang disebut dalam perenggan yang terdahulu ialah:
 - (a) kerangka pesawat udara, enjin pesawat udara dan helikopter;
 - (b) stok penggelekan kereta api; dan
 - (c) aset angkasa.
4. Undang-undang yang terpakai menentukan sama ada suatu kepentingan yang baginya perenggan 2 terpakai termasuk dalam subperenggan (a), (b) atau (c) perenggan itu.
5. Sesuatu kepentingan antarabangsa mengenai sesuatu objek diperluas kepada hasil objek itu.

Perkara 3 – Bidang pemakaian

1. Konvensyen ini terpakai apabila, pada masa pembuatan perjanjian yang mewujudkan atau memperuntukkan kepentingan antarabangsa, penghutang berada dalam suatu Negara Pejanji.
2. Hakikat bahawa pemiutang terletak di Negara bukan Pejanji tidaklah menyentuh kebolehpakaian Konvensyen ini.

Perkara 4 – Tempat penghutang terletak

1. Bagi maksud Perkara 3(1), penghutang adalah terletak di mana-mana Negara Pejanji:
 - (a) di bawah undang-undang yang penghutang itu diperbadankan atau dibentuk;
 - (b) jika penghutang itu mempunyai pejabat berdaftar atau tempat berkanun;
 - (c) jika penghutang itu mempunyai pusat pentadbirannya; atau
 - (d) jika penghutang itu mempunyai tempat perniagaannya.
2. Sebutan dalam subperenggan (d) perenggan yang terdahulu mengenai tempat perniagaan penghutang hendaklah, jika penghutang itu mempunyai lebih daripada satu tempat perniagaan, ertinya tempat perniagaan utamanya atau, jika penghutang itu tidak mempunyai tempat perniagaan, kediaman lazimnya.

Perkara 5 – Tafsiran dan undang-undang yang terpakai

1. Dalam tafsiran Konvensyen ini, perhatian hendaklah diberi kepada maksudnya sebagaimana yang dinyatakan dalam mukadimah, kepada ciri antarabangsanya dan kepada keperluan untuk menggalakkan keseragaman dan kebolehamalan dalam pemakaiannya.

2. Soalan-soalan mengenai perkara yang tertakluk kepada Konvensyen ini yang tidak diselesaikan dengan nyata hendaklah diselesaikan bertepatan dengan prinsip am yang berdasarkannya ia diasaskan atau, jika tiada prinsip itu, bertepatan dengan undang-undang yang terpakai.
3. Sebutan mengenai undang-undang yang terpakai ialah sebutan mengenai rukun undang-undang tempatan yang terpakai menurut kuasa kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa persendirian Negara forum.
4. Jika sesuatu Negara terdiri daripada beberapa unit wilayah, yang setiap daripadanya mempunyai rukun undang-undangnya sendiri berkenaan dengan perkara yang hendak diputuskan, dan jika tidak terdapat petunjuk tentang unit wilayah yang berkaitan, undang-undang Negara itu memutuskan unit wilayah manakah yang kaedah-kaedahnya hendaklah tertakluk. Jika tidak terdapat apa-apa kaedah sedemikian, undang-undang unit wilayah yang dengannya kes itu paling hampir berkaitan hendaklah terpakai.

Perkara 6 – Hubungan antara Konvensyen dengan Protokol

1. Konvensyen ini dan Protokol hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama sebagai satu surat cara.
2. Setakat yang apa-apa ketidakselarasan antara Konvensyen ini dengan Protokol, Protokol hendaklah dipakai.

Bab II

Pembentukan suatu kepentingan antarabangsa

Perkara 7 – Kehendak rasmi

Sesuatu kepentingan dibentuk sebagai suatu kepentingan antarabangsa di bawah Konvensyen ini jika perjanjian yang mewujudkan atau mengadakan peruntukan bagi kepentingan itu:

- (a) adalah secara bertulis;
- (b) berhubungan dengan sesuatu objek yang pengadai, penjual bersyarat atau pemberi pajak mempunyai kuasa untuk melupuskan;
- (c) membolehkan objek itu dikenal pasti menurut Protokol; dan
- (d) dalam hal perjanjian cagaran, membolehkan obligasi bercagar ditentukan, tetapi tanpa keperluan untuk menyatakan jumlah atau jumlah maksimum yang dicagarkan.

Bab III

Remedi keingkaran

Perkara 8 – Remedi pemegang gadaian

1. Sekiranya berlaku keingkaran sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11, pemegang gadaian boleh, setakat yang pengadai telah pada bila-bila

masa bersetuju dan tertakluk kepada apa-apa perisytiharan yang boleh dibuat oleh sesuatu Negara Pejanji di bawah Perkara 54, melaksanakan mana-mana satu atau lebih daripada remedi yang berikut:

- (a) mengambil milikan atau mengawal apa-apa objek yang digadaikan kepadanya;
- (b) menjual atau memberi pajakan apa-apa objek itu;
- (c) mengumpulkan atau menerima apa-apa pendapatan atau keuntungan yang timbul daripada pengurusan atau penggunaan apa-apa objek sedemikian.

2. Pemegang gadaian boleh secara alternatif memohon suatu perintah mahkamah yang membenarkan atau mengarahkan apa-apa tindakan yang disebut dalam perenggan yang terdahulu.

3. Apa-apa remedi yang dinyatakan dalam subperenggan (a), (b) atau (c) perenggan 1 atau oleh Perkara 13 hendaklah dilaksanakan mengikut cara yang munasabah secara komersial. Sesuatu remedi hendaklah disifatkan telah dilaksanakan mengikut cara yang munasabah secara komersial jika ia telah dilaksanakan bertepatan dengan peruntukan perjanjian cagaran itu kecuali jika peruntukan sedemikian adalah jelas tidak munasabah.

4. Seseorang pemegang gadaian yang bercadang untuk menjual atau memberikan pajakan sesuatu objek di bawah perenggan 1 hendaklah memberikan notis terlebih dahulu yang munasabah secara bertulis tentang cadangan penjualan atau pajakan itu kepada:

- (a) orang yang berkepentingan yang dinyatakan dalam Perkara 1(m)(i) dan (ii); dan
- (b) orang yang berkepentingan yang dinyatakan dalam Perkara 1(m)(iii) yang telah memberikan notis mengenai hak mereka kepada pemegang gadaian dalam masa yang munasabah sebelum penjualan atau pajakan itu.

5. Apa-apa wang yang dipungut atau diterima oleh pemegang gadaian akibat pelaksanaan mana-mana remedi yang dinyatakan dalam perenggan 1 atau 2 hendaklah digunakan ke arah menjelaskan amaun bagi obligasi yang dicagarkan.

6. Jika wang yang dipungut atau diterima oleh pemegang gadaian akibat pelaksanaan mana-mana remedi yang dinyatakan dalam perenggan 1 atau 2 melebihi amaun yang dicagarkan melalui kepentingan cagaran dan apa-apa kos yang munasabah yang dilakukan dalam melaksanakan apa-apa remedi, maka melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mahkamah pemegang gadaian itu hendaklah mengagihkan lebihan itu di kalangan pemegang kepentingan yang berpangkat berikutnya yang telah didaftarkan atau yang pemegang gadaian itu telah diberikan notis, mengikut susunan keutamaan, dan membayar apa-apa baki yang masih ada kepada pengadai.

Perkara 9 – Peletakhakan objek sebagai penyelesaian; penebusan

1. Pada bila-bila masa selepas keingkaran sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11, pemegang gadaian dan semua orang yang berkepentingan bersetuju bahawa pemunyaan (atau apa-apa kepentingan lain penggadai mengenai) apa-apa objek yang diliputi oleh kepentingan cagaran hendaklah terletak hak pada pemegang gadaian sebagai atau ke arah penyelesaian obligasi bercagar.
2. Mahkamah boleh atas permohonan pemegang gadaian memerintahkan bahawa pemunyaan (atau apa-apa kepentingan lain penggadai mengenai) mana-mana objek yang diliputi oleh kepentingan cagaran hendaklah terletak hak pada pemegang gadaian sebagai atau ke arah penyelesaian obligasi bercagar.
3. Mahkamah hendaklah membenarkan suatu permohonan di bawah perenggan yang terdahulu hanya jika amaun obligasi bercagar yang hendak diselesaikan oleh peletakhakan itu setara dengan nilai objek selepas mengambil kira apa-apa pembayaran yang kena dibuat oleh pemegang gadaian kepada mana-mana orang yang berkepentingan.
4. Pada bila-bila masa selepas keingkaran sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11 dan sebelum penjualan objek yang dicagarkan atau pembuatan suatu perintah di bawah perenggan 2, penggadai atau mana-mana orang yang berkepentingan bolehlah menjelaskan kepentingan cagaran itu dengan membayar sepenuhnya amaun yang dicagarkan, tertakluk kepada apa-apa pajakan yang diberikan oleh pemegang gadaian di bawah Perkara 8(1)(b) atau yang diperintahkan di bawah Perkara 8(2). Jika, selepas keingkaran itu, pembayaran amaun yang dicagarkan dibuat sepenuhnya oleh seorang orang yang berkepentingan selain penghutang, orang itu disubrogasi kepada hak pemegang gadaian itu.
5. Pemunyaan atau apa-apa kepentingan lain penggadai yang berpindah semasa penjualan di bawah Perkara 8(1)(b) atau yang berpindah di bawah perenggan 1 atau 2 Perkara ini adalah bebas daripada mana-mana kepentingan lain yang ke atasnya kepentingan cagaran pemegang gadaian mempunyai keutamaan di bawah peruntukan Perkara 29.

Perkara 10 – Remedi penjual bersyarat atau pemberi pajak

Sekiranya berlaku keingkaran di bawah perjanjian perizaban hakmilik atau di bawah perjanjian pajakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11, penjual bersyarat atau pemberi pajak, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh:

- (a) tertakluk kepada apa-apa perisytiharan yang boleh dibuat oleh Negara Pejanji di bawah Perkara 54, menamatkan perjanjian dan mengambil milikan atau mengawal mana-mana objek yang baginya perjanjian itu berkaitan; atau
- (b) memohon suatu perintah mahkamah yang membenarkan atau mengarahkan mana-mana satu daripada tindakan ini.

Perkara 11 – Pengertian keingkaran

1. Penghutang dan pemiutang boleh pada bila-bila masa bersetuju secara bertulis tentang kejadian yang menjadi keingkaran atau selainnya menimbulkan hak dan remedi yang dinyatakan dalam Perkara 8 hingga 10 dan 13.
2. Jika penghutang dan pemiutang tidak bersetuju sedemikian, “keingkaran” bagi maksud Perkara 8 hingga 10 dan 13 ertinya keingkaran yang sebahagian besarnya menafikan pemiutang tentang apa yang ia berhak untuk jangkakan di bawah perjanjian.

Perkara 12 – Remedi tambahan

Apa-apa remedi tambahan yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, termasuklah apa-apa remedi yang dipersetujui oleh pihak-pihak, boleh dilaksanakan setakat yang remedi itu selaras dengan peruntukan mandatori Bab ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 15.

Perkara 13 – Relief sementara menunggu penentuan akhir

1. Tertakluk kepada apa-apa perisytiharan yang boleh dibuat olehnya di bawah Perkara 55, sesuatu Negara Pejanji hendaklah memastikan bahawa seseorang pemiutang yang mengemukakan keterangan keingkaran oleh penghutang boleh, sementara menunggu penentuan akhir tuntutannya dan setakat yang penghutang itu telah pada bila-bila masa bersetuju sedemikian, mendapatkan daripada mahkamah relief segera mengikut bentuk bagi satu atau lebih daripada perintah yang berikut sebagaimana yang diminta oleh pemiutang:
 - (a) pemeliharaan objek itu dan nilainya;
 - (b) milikan, kawalan atau jagaan objek itu;
 - (c) pelumpuhan objek itu; dan
 - (d) pajakan atau, kecuali jika diliputi oleh subperenggan (a) hingga (c), pengurusan objek itu dan pendapatan daripadanya.
2. Dalam membuat apa-apa perintah di bawah perenggan yang terdahulu, mahkamah bolehlah mengenakan apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk melindungi orang yang berkepentingan sekiranya pemiutang:
 - (a) dalam melaksanakan apa-apa perintah yang memberikan relief itu, gagal melaksanakan mana-mana obligasinya kepada penghutang di bawah Konvensyen ini atau Protokol; atau
 - (b) gagal untuk membuktikan tuntutannya, keseluruhan atau sebahagiannya, pada penentuan akhir tuntutan itu.
3. Sebelum membuat apa-apa perintah di bawah perenggan 1, mahkamah boleh menghendaki notis permintaan diberikan kepada mana-mana orang yang berkepentingan.

4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian Perkara 8(3) atau mengehendak ketersediaan bentuk relief interim selain yang dinyatakan dalam perenggan 1.

Perkara 14 – Kehendak tatacara

Tertakluk kepada Perkara 54(2), apa-apa remedi yang diperuntukkan oleh Bab ini hendaklah dijalankan bertepatan dengan tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang bagi tempat yang remedi itu akan dilaksanakan.

Perkara 15 – Pengurangan

Dalam hubungan antara satu sama lain, mana-mana dua pihak atau lebih yang disebut dalam Bab ini boleh pada bila-bila masa, melalui perjanjian secara bertulis, mengurangkan atau mengubah kesan mana-mana peruntukan yang terdahulu Bab ini kecuali Perkara 8(3) hingga (6), 9(3) dan (4), 13(2) dan 14.

Bab IV

Sistem pendaftaran antarabangsa

Perkara 16 – Pejabat Pendaftaran Antarabangsa

1. Suatu Pejabat Pendaftaran Antarabangsa hendaklah ditubuhkan bagi pendaftaran:

- (a) kepentingan antarabangsa, kepentingan antarabangsa prospektif dan hak dan kepentingan bukan sepersetujuan yang boleh didaftarkan;
- (b) penyerahhakan dan penyerahhakan prospektif bagi kepentingan antarabangsa;
- (c) pemerolehan kepentingan antarabangsa melalui subrogasi undang-undang atau secara kontrak di bawah undang-undang yang terpakai;
- (d) notis kepentingan antarabangsa; dan
- (e) pengetepian kepentingan yang disebut dalam mana-mana subperenggan yang terdahulu.

2. Pejabat pendaftaran antarabangsanya yang berlainan boleh ditubuhkan bagi kategori objek dan hak bersekutu yang berlainan.

3. Bagi maksud Bab ini dan Bab V, istilah “pendaftaran” termasuklah, jika berkenaan, suatu pindaan, peluasan atau pelepasan suatu pendaftaran.

Perkara 17 – Pihak Berkuasa Penyeliaan dan Pendaftar

1. Hendaklah ditubuhkan suatu Pihak Berkuasa Penyeliaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Protokol.

2. Pihak Berkuasa Penyeliaan hendaklah:
 - (a) menubuhkan atau memperuntukkan penubuhan Pejabat Pendaftaran Antarabangsa;
 - (b) kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Protokol, melantik dan memecat Pendaftar;
 - (c) memastikan bahawa mana-mana hak yang dikehendaki bagi pengendalian berkesan yang berterusan Pejabat Pendaftaran Antarabangsa sekiranya terdapat perubahan Pendaftar akan terletak hak atau boleh diserahkan kepada Pendaftar yang baru;
 - (d) selepas berunding dengan Negara Pejanji, membuat atau meluluskan dan memastikan penyiaran peraturan-peraturan menurut Protokol yang berurusan dengan pengendalian Pejabat Pendaftaran Antarabangsa;
 - (e) mengadakan tatacara pentadbiran yang melaluinya aduan berkenaan dengan pengendalian Pejabat Pendaftaran Antarabangsa dapat dibuat kepada Pihak Berkuasa Penyeliaan;
 - (f) menyelia Pendaftar dan pengendalian Pejabat Pendaftaran Antarabangsa;
 - (g) atas permintaan Pendaftar, memberikan apa-apa bimbingan kepada Pendaftar sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan;
 - (h) menetapkan dan mengkaji semula secara berkala struktur fi yang hendak dikenakan bagi perkhidmatan dan kemudahan Pejabat Pendaftaran Antarabangsa;
 - (i) melakukan segala benda yang perlu untuk memastikan bahawa suatu sistem pendaftaran elektronik berasaskan notis yang cekap wujud untuk melaksanakan objektif Konvensyen ini dan Protokol; dan
 - (j) melaporkan secara berkala kepada Negara Pejanji berkenaan dengan penunaian obligasinya di bawah Konvensyen ini dan Protokol.
3. Pihak Berkuasa Penyeliaan boleh membuat apa-apa perjanjian yang diperlukan bagi pelaksanaan fungsinya, termasuk apa-apa perjanjian yang disebut dalam Perkara 27(3).
4. Pihak Berkuasa Penyeliaan hendaklah memiliki segala hak kepunyaan dalam pangkalan data dan arkib Pejabat Pendaftaran Antarabangsa.
5. Pendaftar hendaklah memastikan pengendalian cekap Pejabat Pendaftaran Antarabangsa dan melaksanakan fungsi yang diberikan kepadanya oleh Konvensyen ini, Protokol dan peraturan-peraturan.

Bab V

Perkara lain yang berhubungan dengan pendaftaran

Perkara 18 – Kehendak pendaftaran

1. Protokol dan peraturan-peraturan hendaklah menyatakan kehendak-kehendak, termasuk kriteria bagi pengenalpastian objek:
 - (a) bagi menguatkuasakan suatu pendaftaran (yang hendaklah termasuk peruntukan bagi transmisi elektronik terlebih dahulu bagi apa-apa keizinan daripada mana-mana orang yang keizinannya dikehendaki di bawah Perkara 20);
 - (b) bagi membuat carian dan mengeluarkan perakuan carian, dan tertakluk kepadanya;
 - (c) bagi memastikan kerahsiaan maklumat dan dokumen Pejabat Pendaftaran Antarabangsa selain maklumat dan dokumen yang berhubungan dengan sesuatu pendaftaran.
2. Pendaftar tidak berkewajipan untuk bertanyakan sama ada keizinan kepada pendaftaran di bawah Perkara 20 telah diberikan atau adalah sah.
3. Jika sesuatu kepentingan yang didaftarkan sebagai kepentingan antarabangsa prospektif menjadi suatu kepentingan antarabangsa, tiada pendaftaran selanjutnya boleh dikehendaki dengan syarat bahawa maklumat pendaftaran adalah mencukupi bagi pendaftaran sesuatu kepentingan antarabangsa.
4. Pendaftar hendaklah membuat perkiraan bagi pendaftaran dimasukkan ke dalam pangkalan data Pejabat Pendaftaran Antarabangsa dan boleh dicari mengikut susunan kronologi penerimaan, dan fail itu hendaklah merekodkan tarikh dan masa penerimaan.
5. Protokol boleh memperuntukkan bahawa sesuatu Negara Pejanji boleh menetapkan suatu entiti atau entiti-entiti dalam wilayahnya sebagai titik masuk atau titik-titik masuk yang melaluinya maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran hendaklah atau boleh dihantar kepada Pejabat Pendaftaran Antarabangsa. Sesuatu Negara Pejanji yang membuat penetapan sedemikian boleh menyatakan kehendak-kehendak, jika ada, yang kena dipenuhi sebelum maklumat itu dihantar kepada Pejabat Pendaftaran Antarabangsa.

Perkara 19 – Kesahan dan masa pendaftaran

1. Sesuatu pendaftaran adalah sah hanya jika dibuat bertepatan dengan Perkara 20.
2. Sesuatu pendaftaran, jika sah, hendaklah lengkap apabila maklumat yang dikehendaki dimasukkan ke dalam pangkalan data Pejabat Pendaftaran Antarabangsa supaya boleh dicari.

3. Sesuatu pendaftaran boleh dicari bagi maksud perenggan yang terdahulu pada masa apabila:
 - (a) Pejabat Pendaftaran Antarabangsa telah memberikannya suatu nombor fail yang disusun secara berurutan; dan
 - (b) maklumat pendaftaran, termasuk nombor fail, disimpan dalam bentuk yang tahan lama dan boleh diakses di Pejabat Pendaftaran Antarabangsa.
4. Jika sesuatu kepentingan yang didaftarkan buat pertama kalinya sebagai kepentingan antarabangsa prospektif menjadi kepentingan antarabangsa, kepentingan antarabangsa itu hendaklah dianggap sebagai didaftarkan dari masa pendaftaran kepentingan antarabangsa prospektif itu dengan syarat pendaftaran itu masih lagi semasa sebaik sebelum kepentingan antarabangsa itu terbentuk sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara 7.
5. Perenggan yang terdahulu terpakai dengan ubah suaian yang perlu kepada pendaftaran suatu penyerahhakan prospektif bagi kepentingan antarabangsa.
6. Sesuatu pendaftaran boleh dicari dalam pangkalan data Pejabat Pendaftaran Antarabangsa mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Protokol.

Perkara 20 – Keizinan kepada pendaftaran

1. Sesuatu kepentingan antarabangsa, kepentingan antarabangsa prospektif atau sesuatu penyerahhakan atau penyerahhakan prospektif bagi sesuatu kepentingan antarabangsa boleh didaftarkan, dan mana-mana pendaftaran yang dipinda atau diperluas sedemikian sebelum tamat tempohnya, oleh mana-mana pihak dengan keizinan bertulis pihak yang satu lagi.
2. Pengetepian sesuatu kepentingan antarabangsa kepada kepentingan antarabangsa yang lain boleh didaftarkan oleh atau dengan keizinan bertulis pada bila-bila masa orang yang kepentingannya telah diketepikan.
3. Sesuatu pendaftaran boleh dilepaskan oleh atau dengan keizinan bertulis pihak yang bagi faedahnya pendaftaran itu dibuat.
4. Pemerolehan sesuatu kepentingan antarabangsa oleh subrogasi undang-undang atau secara kontrak boleh didaftarkan oleh penerima subrogasi.
5. Sesuatu hak atau kepentingan bukan sepersetujuan boleh didaftarkan oleh pemegangnya.
6. Sesuatu notis kepentingan negara boleh didaftarkan oleh pemegangnya.

Perkara 21 – Jangka masa pendaftaran

Pendaftaran sesuatu kepentingan antarabangsa tetap berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau sehingga tempat tempoh yang dinyatakan dalam pendaftaran itu.

Perkara 22 – Carian

1. Mana-mana orang boleh, mengikut cara yang ditetapkan oleh Protokol dan peraturan-peraturan, membuat atau meminta suatu carian Pejabat Pendaftaran Antarabangsa melalui cara elektronik berkenaan dengan kepentingan atau kepentingan antarabangsa prospektif yang didaftarkan di dalamnya.
2. Selepas menerima permintaan untuknya, Pendaftar, mengikut cara yang ditetapkan oleh Protokol dan peraturan-peraturan, hendaklah mengeluarkan perakuan carian pejabat pendaftaran melalui cara elektronik berkenaan dengan mana-mana objek:
 - (a) yang menyatakan semua maklumat berdaftar yang berhubungan dengannya, bersama-sama dengan suatu pernyataan yang menunjukkan tarikh dan masa pendaftaran maklumat itu; atau
 - (b) yang menyatakan bahawa tiada maklumat dalam Pejabat Pendaftaran Antarabangsa yang berhubungan dengannya.
3. Suatu perakuan carian yang dikeluarkan di bawah perenggan yang terdahulu hendaklah menunjukkan bahawa pemiutang yang dinamakan dalam maklumat pendaftaran itu telah memperoleh atau bercadang untuk memperoleh suatu kepentingan antarabangsa mengenai objek itu tetapi tidak boleh menunjukkan sama ada apa yang didaftarkan ialah suatu kepentingan antarabangsa atau kepentingan antarabangsa prospektif, walaupun jika ia boleh dipastikan daripada maklumat pendaftaran yang berkaitan.

Perkara 23 – Senarai perisytiharan dan hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang diisytiharkan

Pendaftar hendaklah menyenggarakan suatu senarai perisytiharan, penarikan balik perisytiharan dan kategori hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang dimaklumkan kepada Pendaftar oleh Pemegang Simpanan sebagai telah diisytiharkan oleh Negara Pejanji yang bertepatan dengan Perkara 39 dan 40 dan tarikh setiap perisytiharan itu atau penarikan balik perisytiharan itu. Senarai itu hendaklah direkodkan dan boleh dicari atas nama Negara yang mengisytiharkan dan hendaklah dijadikan tersedia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Protokol dan peraturan-peraturan kepada mana-mana orang yang memintanya.

Perkara 24 – Nilai perakuan keterangan

Sesuatu dokumen mengikut bentuk yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang berupa sebagai perakuan yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Antarabangsa ialah bukti *prima facie*:

- (a) yang perakuan itu telah dikeluarkan; dan
- (b) fakta yang disebut dalamnya, termasuk tarikh dan masa pendaftaran.

Perkara 25 – Pembatalan pendaftaran

1. Jika obligasi yang dijamin oleh sesuatu kepentingan cagaran yang berdaftar atau obligasi yang menimbulkan suatu hak atau kepentingan bukan sepersetujuan berdaftar telah dibatalkan, atau jika syarat pemindahan hakmilik di bawah perjanjian perizaban hakmilik telah dipenuhi, pemegang kepentingan itu hendaklah, tanpa kelengahan tidak wajar, mendapatkan pembatalan pendaftaran itu selepas tuntutan bertulis oleh penghutang dihantar atau diterima di alamatnya yang dinyatakan dalam pendaftaran itu.
2. Jika kepentingan antarabangsa prospektif atau penyerahhakan prospektif kepentingan antarabangsa telah didaftarkan, orang yang bercadang menjadi pemiutang atau orang yang bercadang menjadi pemegang serah hak hendaklah, tanpa kelengahan tidak wajar, mendapatkan pembatalan pendaftaran itu selepas tuntutan bertulis oleh orang yang bercadang menjadi penghutang atau penyerah hak yang dihantar ke atau diterima di alamatnya yang dinyatakan dalam pendaftaran sebelum orang yang bercadang menjadi pemiutang atau pemegang serah hak telah memberikan nilai atau melakukan suatu komitmen untuk memberikan nilai.
3. Jika obligasi yang dijamin oleh suatu kepentingan negara yang dinyatakan dalam notis berdaftar kepentingan negara telah dibatalkan, pemegang kepentingan itu hendaklah, tanpa kelengahan tidak wajar, mendapatkan pembatalan pendaftaran itu selepas tuntutan bertulis daripada penghutang dihantar ke atau diterima di alamatnya yang dinyatakan dalam pendaftaran itu.
4. Jika sesuatu pendaftaran sepatutnya tidak dibuat atau adalah tidak betul, orang yang pendaftaran itu memihak kepadanya hendaklah, tanpa kelengahan tidak wajar, mendapatkan pembatalan atau pemindaannya selepas tuntutan bertulis oleh penghutang dihantar ke atau diterima di alamatnya yang dinyatakan dalam pendaftaran itu.

Perkara 26 – Akses kepada kemudahan pendaftaran antarabangsa

Tiada seorang pun boleh dinafikan akses kepada kemudahan pendaftaran dan carian di Pejabat Pendaftaran Antarabangsa atas apa-apa alasan selain kegagalannya untuk mematuhi tatacara yang ditetapkan oleh Bab ini.

Bab VI

Keistimewaan dan kekebalan Pihak Berkuasa Penyeliaan dan Pendaftar

Perkara 27 – Keperibadian undang-undang; kekebalan

1. Pihak Berkuasa Penyeliaan hendaklah mempunyai keperibadian undang-undang jika belum memiliki keperibadian itu.
2. Pihak Berkuasa Penyeliaan dan pegawai dan pekerjanya hendaklah menikmati apa-apa kekebalan daripada proses undang-undang atau pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Protokol.

3. (a) Pihak Berkuasa Penyeliaan hendaklah menikmati pengecualian daripada cukai dan apa-apa keistimewaan lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh perjanjian dengan Negara tuan rumah.
(b) Bagi maksud perenggan ini, “Negara tuan rumah” ertinya Negara yang Pihak Berkuasa Penyeliaan terletak.
4. Aset, dokumen, pangkalan data dan arkib Pejabat Pendaftaran Antarabangsa adalah tidak boleh dicabul dan kebal daripada penyitaan atau proses undang-undang atau pentadbiran yang lain.
5. Bagi maksud apa-apa tuntutan terhadap Pendaftar di bawah Perkara 28(1) atau Perkara 44, pihak yang menuntut adalah berhak kepada akses kepada apa-apa maklumat dan dokumen sebagaimana yang perlu untuk membolehkan pihak yang menuntut itu meneruskan tuntutannya.
6. Pihak Berkuasa Penyeliaan boleh mengetepikan ketakbolehcabulan dan kekebalan yang diberikan oleh perenggan 4.

Bab VII

Liabiliti Pendaftar

Perkara 28 – Liabiliti dan jaminan kewangan

1. Pendaftar hendaklah bertanggungjawab bagi ganti rugi pampasan kerana kerugian yang dialami oleh seseorang secara langsung akibat kesilapan atau peninggalan Pendaftar dan pegawainya dan pekerjaannya atau daripada kepincangan sistem pendaftaran antarabangsa kecuali jika kepincangan itu disebabkan oleh suatu peristiwa semula jadi yang tidak dapat dielakkan atau ditahan, yang tidak boleh dihalang dengan menggunakan amalan terbaik dalam penggunaan semasa dalam bidang reka bentuk dan pengendalian pendaftaran secara elektronik, termasuklah yang berhubungan dengan keselamatan sokongan dan sistem dan rangkaian.
2. Pendaftar tidaklah bertanggungjawab di bawah perenggan yang terdahulu bagi ketidaktepatan fakta maklumat pendaftaran yang diterima oleh Pendaftar atau yang disampaikan oleh Pendaftar dalam bentuk yang Pendaftar itu menerima maklumat itu dan juga tidak bertanggungjawab bagi tindakan atau hal keadaan yang baginya Pendaftar dan pegawainya dan pekerjaannya tidak bertanggungjawab dan yang timbul sebelum penerimaan maklumat pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Antarabangsa.
3. Pampasan di bawah perenggan 1 boleh dikurangkan setakat yang orang yang mengalami kerosakan yang disebabkan atau menyumbang kepada kerosakan itu.
4. Pendaftar hendaklah mendapatkan insurans atau suatu jaminan kewangan yang meliputi liabiliti yang disebut dalam Perkara ini setakat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan, mengikut Protokol.

Bab VIII

Kesan sesuatu kepentingan antarabangsa terhadap pihak ketiga

Perkara 29 – Keutamaan kepentingan bersaing

1. Sesuatu kepentingan berdaftar mempunyai keutamaan ke atas mana-mana kepentingan lain yang didaftarkan kemudiannya dan ke atas kepentingan yang tidak berdaftar.
2. Keutamaan kepentingan yang mula-mula disebut di bawah perenggan yang terdahulu terpakai:
 - (a) walaupun kepentingan yang mula-mula disebut itu diperoleh atau didaftarkan dengan pengetahuan sebenar kepentingan yang lain; dan
 - (b) walaupun berkenaan nilai yang diberikan oleh pemegang kepentingan yang mula-mula disebut itu dengan pengetahuan itu.
3. Pembeli sesuatu objek memperoleh kepentingannya mengenai objek itu:
 - (a) tertakluk kepada kepentingan berdaftar pada masa pemerolehan kepentingan itu; dan
 - (b) bebas daripada kepentingan tidak berdaftar walaupun ia mempunyai pengetahuan sebenar tentang kepentingan sedemikian.
4. Pembeli bersyarat atau penerima pajak memperoleh kepentingannya mengenai atau hak ke atas objek itu:
 - (a) tertakluk kepada kepentingan berdaftar sebelum pendaftaran kepentingan antarabangsa yang dipegang oleh penjual bersyarat atau pemberi pajak; dan
 - (b) bebas daripada kepentingan yang tidak didaftarkan pada masa itu walaupun ia mempunyai pengetahuan sebenar tentang kepentingan itu.
5. Keutamaan kepentingan atau hak bersaing di bawah Perkara ini boleh diubah melalui perjanjian antara pemegang kepentingan itu, tetapi pemegang serah hak kepentingan bawahan tidak terikat dengan perjanjian untuk mengurangkan kepentingan itu melainkan jika pada masa penyerahkannya suatu pengurangan telah didaftarkan yang berhubungan dengan perjanjian itu.
6. Apa-apa keutamaan yang diberikan oleh Perkara ini kepada kepentingan mengenai sesuatu objek diperluas kepada hasil.
7. Konvensyen ini:
 - (a) tidak menjejaskan hak seseorang mengenai sesuatu barang, selain objek, yang dipegang sebelum pemasangannya pada suatu objek jika di bawah undang-undang yang terpakai hak itu terus wujud selepas pemasangan itu; dan

- (b) tidak menghalang pewujudan hak mengenai sesuatu barang, selain objek, yang telah dipasang dahulunya pada suatu objek jika di bawah undang-undang yang terpakai hak itu diwujudkan.

Perkara 30 – Kesan ketidakmampuan bayar

1. Dalam prosiding ketidakmampuan bayar terhadap penghutang sesuatu kepentingan antarabangsa adalah berkesan jika sebelum permulaan kuat kuasa prosiding ketidakmampuan bayar itu kepentingan itu didaftarkan bertepatan dengan Konvensyen ini.
2. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini mengurangkan keberkesanan suatu kepentingan antarabangsa dalam prosiding ketidakmampuan bayar jika kepentingan itu berkesan di bawah undang-undang yang terpakai.
3. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini menjejaskan:
 - (a) mana-mana rukun undang-undang yang terpakai dalam prosiding ketidakmampuan bayar yang berhubungan dengan pengelakan sesuatu transaksi sebagai keutamaan atau pemindahan secara fraud pemiutang; atau
 - (b) apa-apa kaedah tatacara yang berhubungan dengan penguatkuasaan hak terhadap harta yang berada di bawah kawalan atau penyeliaan pentadbir ketidakmampuan bayar.

Bab IX

Penyerahhakan hak bersekutu dan kepentingan antarabangsa;
hak subrogasi

Perkara 31 – Kesan penyerahhakan

1. Kecuali sebagaimana yang dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak, sesuatu penyerahhakan hak bersekutu yang dibuat bertepatan dengan Perkara 32 juga memindahkan kepada pemegang serah hak:
 - (a) kepentingan antarabangsa yang berkaitan; dan
 - (b) semua kepentingan dan keutamaan penyerah hak di bawah Konvensyen ini.
2. Tiada apa-apa jua dalam Konvensyen ini menghalang penyerahhakan separa hak bersekutu penyerah hak. Dalam hal penyerahhakan separa itu penyerah hak dan pemegang serah hak boleh bersetuju mengenai hak mereka masing-masing berkenaan dengan kepentingan antarabangsa yang berkaitan yang diserahkan di bawah perenggan yang terdahulu tetapi tidak sehingga menjejaskan penghutang tanpa keizinannya.

3. Tertakluk kepada perenggan 4, undang-undang yang terpakai hendaklah menentukan pembelaan dan hak tolakan yang ada kepada penghutang terhadap pemegang serah hak.
4. Penghutang boleh pada bila-bila masa melalui perjanjian secara bertulis mengetepikan semua atau mana-mana pembelaan dan hak tolakan yang disebut dalam perenggan yang terdahulu selain pembelaan yang timbul daripada perbuatan fraud pada pihak pemegang serah hak.
5. Dalam hal sesuatu penyerahhakan melalui cagaran, hak bersekutu yang diserahkan diletakkan semula pada penyerah hak, setakat yang hak itu masih lagi wujud, apabila obligasi yang dijamin oleh penyerahhakan itu telah dibatalkan.

Perkara 32 – Kehendak rasmi penyerahhakan

1. Sesuatu penyerahhakan hak bersekutu memindahkan kepentingan antarabangsa yang berkaitan hanya jika penyerahhakan itu:
 - (a) adalah secara bertulis;
 - (b) membolehkan hak bersekutu itu dikenal pasti di bawah kontrak yang daripadanya hak itu timbul; dan
 - (c) dalam hal suatu penyerahhakan melalui cagaran, membolehkan obligasi yang dijamin oleh penyerahhakan itu ditentukan mengikut Protokol tetapi tanpa keperluan untuk menyatakan suatu jumlah wang atau jumlah wang maksimum yang dicagarkan.
2. Sesuatu penyerahhakan kepentingan antarabangsa yang diwujudkan atau diperuntukkan oleh perjanjian cagaran adalah tidak sah melainkan jika sebahagian atau kesemua hak bersekutu yang berkaitan juga diserahkan.
3. Konvensyen ini tidak terpakai bagi sesuatu penyerahhakan hak bersekutu yang tidak berkesan untuk memindahkan kepentingan antarabangsa yang berkaitan.

Perkara 33 – Kewajipan penghutang kepada pemegang serah hak

1. Setakat yang hak bersekutu dan kepentingan antarabangsa yang berkaitan telah dipindahkan mengikut Perkara 31 dan 32, penghutang berhubung dengan hak itu dan kepentingan itu adalah terikat dengan penyerahhakan itu dan mempunyai kewajipan untuk membuat bayaran atau membuat pelaksanaan lain kepada pemegang serah hak, jika dan hanya jika:
 - (a) penghutang itu telah diberikan notis tentang penyerahhakan itu secara bertulis oleh atau dengan kuasa penyerah hak; dan
 - (b) notis itu mengenal pasti hak bersekutu.

2. Tanpa mengira apa-apa alasan lain yang pembayaran atau pelaksanaan oleh penghutang melepaskan pemegang serah hak daripada liabiliti, pembayaran atau pelaksanaan itu hendaklah berkuat kuasa bagi maksud ini jika dibuat mengikut perenggan yang terdahulu.
3. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh keutamaan penyerahhakan bersaing.

Perkara 34 – Remedi keingkaran berkenaan dengan penyerahhakan melalui cagaran

Sekiranya berlaku keingkaran oleh penyerah hak di bawah penyerahhakan hak bersekutu dan kepentingan antarabangsa yang berkaitan yang dibuat melalui cagaran, Perkara 8, 9 dan 11 hingga 14 terpakai dalam hubungan antara penyerah hak dengan pemegang serah hak (dan, berhubung dengan hak bersekutu, terpakai setakat yang peruntukan itu boleh terpakai bagi harta tidak ketara) seolah-olah sebutan:

- (a) mengenai obligasi bercagar dan kepentingan cagaran ialah sebutan mengenai obligasi yang dicagarkan oleh penyerahhakan hak bersekutu dan kepentingan antarabangsa yang berkaitan dan kepentingan cagaran yang diwujudkan oleh penyerahhakan itu;
- (b) mengenai pemegang gadaian atau pemiutang dan penggadai atau penghutang ialah sebutan mengenai pemegang serah hak atau penyerah hak;
- (c) mengenai pemegang kepentingan antarabangsa ialah sebutan mengenai pemegang serah hak; dan
- (d) mengenai objek ialah sebutan mengenai hak bersekutu yang diserahkan dan kepentingan antarabangsa yang berkaitan.

Perkara 35 – Keutamaan penyerahhakan bersaing

1. Jika terdapat penyerahhakan bersaing hak bersekutu dan sekurang-kurangnya satu daripada penyerahhakan itu termasuklah kepentingan antarabangsa yang berkaitan dan didaftarkan, peruntukan Perkara 29 terpakai seolah-olah sebutan mengenai kepentingan berdaftar ialah sebutan mengenai suatu penyerahhakan hak bersekutu dan kepentingan berdaftar yang berkaitan dan seolah-olah sebutan mengenai suatu kepentingan berdaftar atau tidak berdaftar ialah sebutan mengenai penyerahhakan berdaftar atau tidak berdaftar.
2. Perkara 30 terpakai bagi suatu penyerahhakan hak bersekutu seolah-olah sebutan mengenai kepentingan antarabangsa ialah sebutan mengenai suatu penyerahhakan hak bersekutu dan kepentingan antarabangsa yang berkaitan.

Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 29

Perkara 36 – Keutamaan pemegang serah hak berkenaan dengan hak bersekutu

1. Pemegang serah hak hak bersekutu dan kepentingan antarabangsa yang berkaitan yang penyerahkannya telah didaftarkan hanya mempunyai keutamaan di bawah Perkara 35(1) ke atas pemegang serah hak yang satu lagi hak bersekutu:

- (a) jika kontrak yang di bawahnya hak bersekutu itu timbul menyatakan bahawa hak itu dicagarkan oleh atau bersekutu dengan objek; dan
- (b) setakat yang hak bersekutu itu adalah berkaitan dengan suatu objek.

2. Bagi maksud subperenggan (b) perenggan yang terdahulu, hak bersekutu adalah berkaitan dengan suatu objek hanya setakat yang hak itu terdiri daripada hak bagi pembayaran atau pelaksanaan yang berkaitan dengan:

- (a) suatu jumlah wang yang didahulukan dan digunakan bagi pembelian objek itu;
- (b) suatu jumlah wang yang didahulukan dan digunakan bagi pembelian objek lain yang mengenainya penyerah hak memegang kepentingan antarabangsa lain jika penyerah hak itu memindahkan kepentingan itu kepada pemegang serah hak dan penyerahkannya itu telah didaftarkan;
- (c) harga yang kena dibayar bagi objek itu;
- (d) sewa yang kena dibayar berkenaan dengan objek itu; atau
- (e) obligasi lain yang timbul daripada transaksi yang disebut dalam mana-mana subperenggan yang terdahulu.

3. Dalam segala hal lain, keutamaan penyerahkannya bersaing hak bersekutu hendaklah ditentukan oleh undang-undang yang terpakai.

Perkara 37 – Kesan ketidakmampuan bayar penyerah hak

Peruntukan Perkara 30 terpakai bagi prosiding ketidakmampuan bayar terhadap penyerah hak seolah-olah sebutan mengenai penghutang ialah sebutan mengenai penyerah hak.

Perkara 38 – Subrogasi

1. Tertakluk kepada perenggan 2, tiada apa-apa jua dalam Konvensyen ini menyentuh pemerolehan hak bersekutu dan kepentingan antarabangsa yang berkaitan oleh subrogasi undang-undang atau secara kontrak di bawah undang-undang yang terpakai.

2. Keutamaan antara mana-mana kepentingan dalam perenggan yang terdahulu dengan kepentingan bersaing boleh diubah melalui perjanjian secara bertulis antara pemegang kepentingan masing-masing tetapi seseorang pemegang serah hak kepentingan bawahan tidak terikat dengan perjanjian untuk mengurangkan kepentingan itu melainkan jika pada masa penyerahkannya itu suatu pengurangan telah didaftarkan yang berhubungan dengan perjanjian itu.

Bab X

Hak atau kepentingan tertakluk kepada perisytiharan oleh Negara Pejanji

Perkara 39 – Hak yang mempunyai keutamaan tanpa pendaftaran

1. Sesuatu Negara Pejanji boleh pada bila-bila masa, dalam suatu perisytiharan yang disimpan dengan Pemegang Simpanan Protokol mengisytiharkan, secara am atau khusus:

(a) kategori hak atau kepentingan bukan sepersetujuan (selain hak atau kepentingan yang baginya Perkara 40 terpakai) yang di bawah undang-undang Negara itu mempunyai keutamaan ke atas kepentingan mengenai sesuatu objek yang bersamaan dengan pemegang suatu kepentingan antarabangsa yang berdaftar dan hendaklah mempunyai keutamaan ke atas kepentingan antarabangsa berdaftar, sama ada di dalam atau di luar prosiding ketidakmampuan bayar; dan

(b) bahawa tiada apa-apa jua dalam Konvensyen ini boleh menyentuh hak sesuatu Negara atau entiti Negara, organisasi antara kerajaan atau penyedia perkhidmatan persendirian swasta yang lain untuk menghentikan atau menahan sesuatu objek di bawah undang-undang Negara itu bagi pembayaran amaun yang terhutang kepada entiti, organisasi atau penyedia itu secara langsung yang berhubungan dengan perkhidmatan itu berkenaan dengan objek itu atau objek lain.

2. Sesuatu perisytiharan yang dibuat di bawah perenggan yang terdahulu boleh dinyatakan untuk meliputi kategori yang diwujudkan selepas penyimpanan perisytiharan itu.

3. Suatu hak atau kepentingan bukan sepersetujuan mempunyai keutamaan ke atas kepentingan antarabangsa jika dan hanya jika hak atau kepentingan bukan sepersetujuan itu adalah daripada kategori yang diliputi oleh perisytiharan yang disimpan sebelum pendaftaran kepentingan antarabangsa itu.

4. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan Protokol, mengisytiharkan bahawa sesuatu hak atau kepentingan daripada kategori yang diliputi oleh perisytiharan itu dibuat di bawah subperenggan 1(a) hendaklah mempunyai keutamaan ke atas kepentingan antarabangsa yang didaftarkan sebelum tarikh ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan itu.

Perkara 40 – Hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang boleh didaftarkan

Sesuatu Negara Pejanji boleh pada bila-bila masa dalam suatu perisytiharan yang disimpan dengan Pemegang Simpanan Protokol menyenaraikan kategori hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang boleh didaftarkan di bawah Konvensyen ini mengenai mana-mana kategori objek seolah-olah hak atau kepentingan itu ialah kepentingan antarabangsa dan hendaklah dikawal selia dengan sewajarnya. Perisytiharan sedemikian boleh diubah dari semasa ke semasa.

Bab XI

Pemakaian Konvensyen bagi jualan

Perkara 41 – Jualan dan jualan prospektif

Konvensyen ini hendaklah terpakai bagi jualan atau jualan prospektif sesuatu objek sebagaimana yang diperuntukkan dalam Protokol dengan apa-apa ubah suaian dalamnya.

Bab XII

Bidang kuasa

Perkara 42 – Pilihan forum

1. Tertakluk kepada Perkara 43 dan 44, mahkamah Negara Pejanji yang dipilih oleh pihak-pihak kepada transaksi mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan mana-mana tuntutan yang dibawa di bawah Konvensyen ini, sama ada atau tidak forum yang dipilih itu mempunyai kaitan dengan pihak kepada transaksi itu. Bidang kuasa itu hendaklah eksklusif melainkan jika dipersetujui selainnya antara pihak-pihak itu.
2. Mana-mana perjanjian itu hendaklah secara bertulis atau selainnya dibuat mengikut kehendak rasmi undang-undang forum yang dipilih itu.

Perkara 43 – Bidang kuasa di bawah Perkara 13

1. Mahkamah Negara Pejanji yang dipilih oleh pihak-pihak dan mahkamah Negara Pejanji di wilayah yang dalamnya objek itu terletak mempunyai bidang kuasa untuk memberikan relief di bawah Perkara 13(1)(a), (b), (c) dan Perkara 13(4) berkenaan dengan objek itu.

2. Bidang kuasa untuk memberikan relief di bawah Perkara 13(1)(d) atau relief interim yang lain menurut kuasa Perkara 13(4) boleh dijalankan sama ada:

- (a) oleh mahkamah yang dipilih oleh pihak-pihak itu; atau
- (b) oleh mahkamah Negara Pejanji di wilayah yang dalamnya penghutang itu terletak, iaitu relief yang, mengikut terma perintah yang membenarkannya, boleh dikuatkuasakan hanya di wilayah Negara Pejanji itu.

3. Mahkamah mempunyai bidang kuasa di bawah perenggan yang terdahulu walaupun penentuan akhir tuntutan yang disebut dalam Perkara 13(1) akan atau boleh berlaku dalam mahkamah Negara Pejanji yang satu lagi atau melalui timbang tara.

Perkara 44 – Bidang kuasa untuk membuat perintah terhadap Pendaftar

1. Mahkamah bagi tempat yang dalamnya Pendaftar mempunyai pusat pentadbirannya hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mengawardkan ganti rugi atau membuat perintah terhadap Pendaftar.

2. Jika seseorang gagal untuk menjawab kepada permintaan yang dibuat di bawah Perkara 25 dan orang itu tidak lagi wujud atau tidak dapat ditemui bagi maksud membolehkan sesuatu perintah dibuat terhadapnya yang menghendaknya untuk mendapatkan pembatalan pendaftaran itu, mahkamah yang disebut dalam perenggan yang terdahulu hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif, atas permohonan penghutang atau orang yang bercadang menjadi penghutang, untuk membuat suatu perintah yang ditujukan kepada Pendaftar yang menghendaki Pendaftar membatalkan pendaftaran itu.

3. Jika seseorang gagal untuk mematuhi perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di bawah Konvensyen ini atau, dalam hal kepentingan negara, suatu perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa yang menghendaki orang itu supaya mendapatkan pindaan atau membatalkan pendaftaran, mahkamah yang disebut dalam perenggan 1 boleh mengarahkan Pendaftar itu untuk mengambil apa-apa langkah yang boleh menguatkuasakan perintah itu.

4. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh perenggan yang terdahulu, tiada mahkamah boleh membuat perintah atau memberikan penghakiman atau arahan terhadap atau yang berupa sebagai mengikat Pendaftar.

Perkara 45 – Bidang kuasa berkenaan dengan prosiding ketidakmampuan bayar

Peruntukan Bab ini tidak terpakai bagi prosiding ketidakmampuan bayar.

Bab XIII

Hubungan dengan Konvensyen lain

Perkara 45 bis – Hubungan dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Penyerahhakan Belum Terima dalam Perdagangan Antarabangsa

Konvensyen ini hendaklah mengatasi *Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Penyerahhakan Belum Terima dalam Perdagangan Antarabangsa*, yang dibuka untuk tandatangan di New York pada 12 Disember 2001, memandangkan ia berkaitan dengan penyerahhakan belum terima yang merupakan hak bersekutu yang berkaitan dengan kepentingan antarabangsa mengenai objek pesawat udara, stok penggelekan kereta api dan aset angkasa.

Perkara 46 – Hubungan dengan Konvensyen UNIDROIT tentang Pajakan Kewangan Antarabangsa

Protokol boleh menentukan perhubungan antara Konvensyen ini dengan *Konvensyen UNIDROIT tentang Pajakan Kewangan Antarabangsa*, yang ditandatangani di Ottawa pada 28 Mei 1988.

Bab XIV

Peruntukan akhir

Perkara 47 – Tandatangan, ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan

1. Konvensyen ini hendaklah dibuka untuk tandatangan di Cape Town pada 16 November 2001 oleh Negara-Negara yang menyertai Persidangan Diplomatik untuk Menerima Pakai Konvensyen Kelengkapan Bergerak dan Protokol Pesawat Udara yang diadakan di Cape Town dari 29 Oktober hingga 16 November 2001. Selepas 16 November 2001, Konvensyen itu hendaklah dibuka kepada semua Negara untuk tandatangan di Ibu Pejabat Institut Antarabangsa bagi Penyatuan Undang-Undang Persendirian (UNIDROIT) di Rom sehingga Konvensyen itu mula berkuat kuasa mengikut Perkara 49.
2. Konvensyen ini hendaklah tertakluk kepada ratifikasi, penerimaan atau kelulusan oleh Negara-Negara yang telah menandatangani.
3. Mana-mana Negara yang tidak menandatangani Konvensyen ini boleh menyertainya pada bila-bila masa.
4. Ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan adalah dikuatkuasakan dengan penyimpanan suatu surat cara rasmi yang bermaksud sedemikian dengan Pemegang Simpanan.

Perkara 48 – Organisasi Integrasi Ekonomi Serantau

1. Organisasi Integrasi Ekonomi Serantau yang dibentuk oleh Negara-Negara berdaulat dan mempunyai kompeten atas perkara tertentu yang tertakluk kepada Konvensyen ini boleh juga menandatangani, menerima, meluluskan dan menyertai Konvensyen ini. Organisasi Integrasi Ekonomi Serantau hendaklah dalam hal itu mempunyai hak dan obligasi Negara Pejanji, setakat yang Organisasi itu mempunyai kompeten atas perkara yang tertakluk kepada Konvensyen ini. Jika bilangan Negara Pejanji adalah berkaitan dalam Konvensyen ini, Organisasi Integrasi Ekonomi Serantau tidak boleh dikira sebagai Negara Pejanji sebagai tambahan kepada Negara Anggota yang merupakan Negara Pejanji.

2. Organisasi Integrasi Ekonomi Serantau hendaklah, pada masa tandatangan, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, membuat suatu pengisytiharan kepada Pemegang Simpanan dengan menyatakan perkara yang tertakluk kepada Konvensyen ini yang berkenaan dengannya kompeten telah berpindah kepada Organisasi itu oleh Negara Anggotanya. Organisasi Integrasi Ekonomi Serantau hendaklah dengan secepat mungkin memberitahu Pemegang Simpanan tentang apa-apa perubahan kepada pengagihan kompeten, termasuklah pemindahan kompeten yang baru, yang dinyatakan dalam perisytiharan di bawah perenggan ini.

3. Apa-apa sebutan mengenai “Negara Pejanji” atau “Negara-Negara Pejanji” atau “Pihak Negara” atau “Pihak-Pihak Negara” dalam Konvensyen ini terpakai juga kepada Organisasi Integrasi Ekonomi Serantau jika konteksnya menghendaki sedemikian.

Perkara 49 – Permulaan kuat kuasa

1. Konvensyen ini mula berkuat kuasa pada hari pertama bulan yang berikutan dengan tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh penyimpanan surat cara ketiga ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan tetapi hanya mengenai kategori objek yang baginya Protokol terpakai:

- (a) mulai dari tarikh permulaan kuat kuasa Protokol itu;
- (b) tertakluk kepada terma Protokol itu; dan
- (c) antara Pihak-Pihak Negara kepada Konvensyen ini dengan Protokol itu.

2. Bagi Negara lain Konvensyen ini mula berkuat kuasa pada hari pertama bulan yang berikutan dengan tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh penyimpanan surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan mereka tetapi hanya mengenai kategori objek yang baginya Protokol ini terpakai dan tertakluk, berhubung dengan Protokol itu, kepada kehendak subperenggan (a), (b) dan (c) perenggan yang terdahulu.

Perkara 50 – Transaksi dalaman

1. Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan Protokol, mengisytiharkan bahawa Konvensyen ini tidak terpakai bagi transaksi yang merupakan suatu transaksi dalaman berhubung dengan Negara itu berkenaan dengan semua jenis objek atau sebahagian daripadanya.

2. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, peruntukan Perkara 8(4), 9(1), 16, Bab V, Perkara 29, dan mana-mana peruntukan Konvensyen ini yang berhubungan dengan kepentingan berdaftar hendaklah terpakai bagi transaksi dalaman.
3. Jika notis kepentingan negara telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Antarabangsa, keutamaan pemegang kepentingan itu di bawah Perkara 29 tidaklah terjejas oleh hakikat bahawa kepentingan itu telah menjadi terletak hak pada seorang lain melalui penyerahhakan atau subrogasi di bawah undang-undang terpakai.

Perkara 51 – Protokol pada masa hadapan

1. Pemegang Simpanan boleh mewujudkan kumpulan kerja, bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan yang berkaitan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pemegang Simpanan, untuk menilai kebolehlaksanaan meluaskan pemakaian Konvensyen ini, melalui satu Protokol atau lebih, bagi objek mana-mana kategori kelengkapan bergerak yang bernilai tinggi, selain kategori yang disebut dalam Perkara 2(3), setiap anggota yang secara unik boleh dikenal pasti, dan hak bersekutu yang berhubungan dengan objek itu.
2. Pemegang Simpanan hendaklah menghantar teks mana-mana draf awal Protokol yang berhubungan dengan kategori objek yang disediakan oleh kumpulan kerja sedemikian kepada semua Pihak Negara kepada Konvensyen ini, semua Negara anggota Pemegang Simpanan, Negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bukan anggota Pemegang Simpanan dan organisasi antara kerajaan yang berkaitan, dan hendaklah mempelawa Negara dan pertubuhan itu menyertai rundingan antara kerajaan bagi menyiapkan draf Protokol berdasarkan draf awal Protokol sedemikian.
3. Pemegang Simpanan hendaklah juga menyampaikan teks apa-apa draf awal Protokol yang disediakan oleh kumpulan kerja sedemikian kepada organisasi bukan kerajaan yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pemegang Simpanan. Pertubuhan bukan kerajaan itu hendaklah dipelawa dengan secepat mungkin untuk mengemukakan komen tentang teks draf awal Protokol itu kepada Pemegang Simpanan dan untuk menyertai sebagai pemerhati dalam penyediaan sesuatu draf Protokol.
4. Apabila badan berwibawa Pemegang Simpanan memutuskan draf Protokol sedemikian itu sedia untuk diterima pakai, Pemegang Simpanan hendaklah mengadakan suatu persidangan diplomatik bagi penerimapakaiannya.
5. Apabila Protokol sedemikian diterima pakai, tertakluk kepada perenggan 6, Konvensyen ini hendaklah terpakai bagi kategori objek yang diliputinya.
6. Perkara 45 bis Konvensyen ini terpakai bagi Protokol sedemikian hanya jika diperuntukkan secara khusus dalam Protokol itu.

Perkara 52 – Unit-unit wilayah

1. Jika sesuatu Negara Pejanji mempunyai unit wilayah yang dalam sistem undang-undang yang berlainan adalah terpakai berhubung dengan perkara yang diperkatakan dalam Konvensyen ini, Negara Pejanji itu boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, mengisytiharkan bahawa Konvensyen ini hendaklah diperluas kepada semua unit wilayahnya atau hanya kepada satu daripada mereka atau lebih dan boleh mengubah suai perisytiharan dengan mengemukakan suatu perisytiharan lain pada bila-bila masa.
2. Mana-mana perisytiharan itu hendaklah menyatakan secara nyata unit wilayah yang baginya Konvensyen ini terpakai.
3. Jika sesuatu Negara Pejanji tidak membuat apa-apa perisytiharan di bawah perenggan 1, Konvensyen ini hendaklah terpakai bagi semua unit wilayah Negara itu.
4. Jika sesuatu Negara Pejanji memperluas Konvensyen ini kepada satu unit wilayahnya atau lebih, perisytiharan yang dibenarkan di bawah Konvensyen ini boleh dibuat berkenaan dengan setiap unit wilayah itu, dan perisytiharan yang dibuat berkenaan dengan satu unit wilayah mungkin berlainan daripada yang dibuat berkenaan dengan suatu unit wilayah yang lain.
5. Jika menurut kuasa suatu perisytiharan di bawah perenggan 1, Konvensyen ini diperluas kepada satu unit wilayah atau lebih Negara Pejanji:
 - (a) penghutang dianggap terletak dalam Negara Pejanji hanya jika ia diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dalam unit wilayah yang baginya Konvensyen ini terpakai atau jika ia mempunyai pejabat berdaftar atau tempat berkanun, pusat pentadbiran, tempat perniagaan atau kediaman lazimnya dalam unit wilayah yang baginya Konvensyen ini terpakai;
 - (b) apa-apa sebutan mengenai lokasi objek dalam Negara Pejanji merujuk kepada lokasi objek dalam suatu unit wilayah yang baginya Konvensyen ini terpakai; dan
 - (c) apa-apa sebutan mengenai pihak berkuasa pentadbiran dalam Negara Pejanji itu hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada pihak berkuasa pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa dalam suatu unit wilayah yang baginya Konvensyen ini terpakai.

Perkara 53 – Penentuan mahkamah

Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan Protokol, mengisytiharkan “mahkamah” atau “mahkamah-mahkamah” yang berkaitan bagi maksud Perkara 1 dan Bab XII Konvensyen ini.

Perkara 54 – Perisytiharan mengenai remedi

1. Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan Protokol, mengisytiharkan bahawa walaupun objek yang dicagarkan terletak di dalam, atau dikawal daripada wilayahnya, pemegang gadaian tidak boleh membenarkan pajakan objek itu dalam wilayah itu.
2. Sesuatu Negara Pejanji hendaklah, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan Protokol, mengisytiharkan sama ada atau tidak apa-apa remedi yang boleh didapati oleh pemiutang di bawah mana-mana peruntukan Konvensyen ini yang tidak dinyatakan di situ untuk menghendaki permohonan kepada mahkamah boleh dilaksanakan hanya dengan kebenaran mahkamah.

Perkara 55 – Perisytiharan mengenai relief sementara menunggu penentuan akhir

Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan Protokol, mengisytiharkan bahawa Negara Pejanji itu tidak akan memakai peruntukan Perkara 13 atau Perkara 43, atau kedua-duanya, keseluruhan atau sebahagiannya. Perisytiharan itu hendaklah menyatakan di bawah syarat-syarat manakah Perkara yang berkaitan akan terpakai, sekiranya ia akan terpakai sebahagiannya, atau selainnya yang bentuk relief interim lain akan dipakai.

Perkara 56 – Reservasi dan perisytiharan

1. Tiada reservasi boleh dibuat kepada Konvensyen ini tetapi perisytiharan yang dibenarkan oleh Perkara 39, 40, 50, 52, 53, 54, 55, 57, 58 dan 60 boleh dibuat mengikut peruntukan-peruntukan ini.
2. Apa-apa perisytiharan atau perisytiharan kemudiannya atau apa-apa penarikan balik sesuatu perisytiharan yang dibuat di bawah Konvensyen ini hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Pemegang Simpanan.

Perkara 57 – Perisytiharan kemudiannya

1. Sesuatu Pihak Negara boleh membuat perisytiharan kemudiannya, selain perisytiharan yang dibenarkan di bawah Perkara 60, pada bila-bila masa selepas tarikh yang Konvensyen ini telah mula berkuat kuasa baginya, dengan memberitahu Pemegang Simpanan yang bermaksud sedemikian.
2. Apa-apa perisytiharan kemudiannya hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama bulan yang berikutan dari tamat tempoh enam bulan selepas tarikh penerimaan pemberitahuan itu oleh Pemegang Simpanan. Jika tempoh yang lebih lama bagi perisytiharan itu untuk berkuat kuasa dinyatakan dalam pemberitahuan itu, ia hendaklah mula berkuat kuasa apabila tamat tempoh yang lebih lama itu selepas penerimaan pemberitahuan itu oleh Pemegang Simpanan itu.

3. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, Konvensyen ini hendaklah terus terpakai, seolah-olah tiada perisytiharan kemudiannya telah dibuat, berkenaan dengan semua hak dan kepentingan yang timbul sebelum tarikh permulaan kuat kuasa mana-mana perisytiharan kemudiannya itu.

Perkara 58 – Penarikan balik perisytiharan

1. Mana-mana Pihak Negara yang telah membuat perisytiharan di bawah Konvensyen ini, selain perisytiharan yang dibenarkan di bawah Perkara 60, boleh menarik balik pada bila-bila masa dengan memberitahu Pemegang Simpanan. Penarikan balik itu hendaklah mula berkuat kuasa pada hari pertama bulan yang berikutan daripada tamat tempoh enam bulan selepas tarikh penerimaan pemberitahuan itu oleh Pemegang Simpanan.
2. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, Konvensyen ini hendaklah terus terpakai, seolah-olah tiada penarikan balik perisytiharan dibuat, berkenaan dengan semua hak dan kepentingan yang timbul sebelum tarikh permulaan kuat kuasa mana-mana penarikan balik itu.

Perkara 59 – Pembatalan

1. Mana-mana Pihak Negara boleh membatalkan Konvensyen ini melalui pemberitahuan secara bertulis kepada Pemegang Simpanan.
2. Apa-apa pembatalan hendaklah mula berkuat kuasa pada hari pertama bulan yang berikutan dari tamat tempoh dua belas bulan selepas tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Pemegang Simpanan.
3. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, Konvensyen ini hendaklah terus terpakai, seolah-olah tiada pembatalan telah dibuat, berkenaan dengan semua hak dan kepentingan yang timbul sebelum tarikh permulaan kuat kuasa mana-mana pembatalan itu.

Perkara 60 – Peruntukan peralihan

1. Melainkan jika diisytiharkan selainnya oleh Negara Pejanji pada bila-bila masa, Konvensyen tidak terpakai bagi hak atau kepentingan yang wujud terlebih dahulu, yang mengekalkan keutamaan yang dinikmati olehnya di bawah undang-undang yang terpakai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Konvensyen ini.
2. Bagi maksud Perkara 1(v) dan menentukan keutamaan di bawah Konvensyen ini:
 - (a) “tarikh permulaan kuat kuasa Konvensyen ini” ertinya berhubung dengan seseorang penghutang masa apabila Konvensyen ini mula berkuat kuasa atau masa apabila Negara yang dalamnya penghutang itu terletak menjadi Negara Pejanji, mengikut mana-mana yang terkemudian; dan

- (b) penghutang itu terletak dalam suatu Negara tempat penghutang itu mempunyai pusat pentadbirannya atau, jika penghutang itu tidak mempunyai pusat pentadbiran, tempat perniagaannya atau, jika ia mempunyai lebih daripada satu tempat perniagaan, tempat perniagaan utamanya atau, jika ia tidak mempunyai tempat perniagaan, kediaman lazimnya.

3. Sesuatu Negara Pejanji boleh dalam perisytiharannya di bawah perenggan 1 menyatakan suatu tarikh, tidak lebih awal daripada tiga tahun selepas tarikh yang perisytiharan itu mula berkuat kuasa, apabila Konvensyen ini dan Protokol akan menjadi terpakai, bagi maksud menentukan keutamaan, termasuklah perlindungan mana-mana keutamaan yang sedia ada, bagi hak atau kepentingan yang wujud terlebih dahulu yang timbul di bawah suatu perjanjian yang dibuat pada masa penghutang itu terletak dalam Negara yang disebut dalam subperenggan (b) perenggan yang terdahulu tetapi hanya setakat dan mengikut cara yang dinyatakan dalam perisytiharannya.

Perkara 61 – Persidangan Kajian Semula, pindaan dan perkara yang berkaitan

1. Pemegang Simpanan hendaklah menyediakan laporan secara tahunan atau pada masa lain sebagaimana yang dikehendaki oleh hal keadaan bagi Pihak-Pihak Negara tentang cara yang regimen antarabangsa yang ditubuhkan dalam Konvensyen ini telah dikendalikan secara amalan. Dalam menyediakan laporan itu, Pemegang Simpanan hendaklah mengambil kira laporan Pihak Berkuasa Penyeliaan berkenaan dengan pemfungsian sistem pendaftaran antarabangsa itu.

2. Atas permintaan tidak kurang daripada dua puluh lima peratus Pihak-Pihak Negara, Persidangan Kajian Semula Pihak-Pihak Negara hendaklah diadakan dari semasa ke semasa oleh Pemegang Simpanan, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Penyeliaan, untuk menimbangkan:

- (a) pengendalian praktikal Konvensyen ini dan keberkesanannya dalam memudahkan pembiayaan dan pajakan berasaskan aset objek yang diliputi oleh termnya;
- (b) tafsiran kehakiman yang diberikan kepada, dan pemakaian yang dibuat bagi terma Konvensyen ini dan peraturan-peraturan;
- (c) pemfungsian sistem pendaftaran antarabangsa, prestasi Pendaftar dan pengawasannya oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan, dengan mengambil kira laporan Pihak Berkuasa Penyeliaan; dan
- (d) sama ada apa-apa pengubahsuaian kepada Konvensyen ini atau perkiraan yang berhubungan dengan Pejabat Pendaftaran Antarabangsa adalah wajar.

3. Tertakluk kepada perenggan 4, apa-apa pindaan kepada Konvensyen ini hendaklah diluluskan oleh sekurang-kurangnya dua pertiga majoriti Pihak Negara yang menyertai Persidangan yang disebut dalam perenggan yang terdahulu dan hendaklah kemudiannya mula berkuat kuasa berkenaan dengan

Negara-Negara yang meratifikasikan, menerima atau meluluskan pindaan itu apabila diratifikasikan, diterima atau diluluskan oleh tiga Negara mengikut peruntukan Perkara 49 yang berhubungan dengan permulaan kuat kuasanya.

4. Jika pindaan yang dicadangkan kepada Konvensyen ini diniatkan untuk terpakai bagi lebih daripada satu kategori kelengkapan, pindaan itu hendaklah diluluskan oleh sekurang-kurangnya dua pertiga majoriti Pihak Negara kepada setiap Protokol yang menyertai Persidangan yang disebut dalam perenggan 2.

Perkara 62 – Pemegang Simpanan dan fungsinya

1. Surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan hendaklah disimpan dengan Institut Antarabangsa bagi Penyatuan Undang-Undang Persendirian (UNIDROIT), yang dengan ini ditetapkan sebagai Pemegang Simpanan.

2. Pemegang Simpanan hendaklah:

(a) memberitahu semua Negara Pejanji:

- (i) setiap tandatangan atau penyimpanan baru sesuatu surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, berserta dengan tarikhnya;
- (ii) tarikh permulaan kuat kuasa Konvensyen ini;
- (iii) setiap perisytiharan yang dibuat mengikut Konvensyen ini, berserta dengan tarikhnya;
- (iv) penarikan balik atau pindaan mana-mana perisytiharan, berserta dengan tarikhnya; dan
- (v) pemberitahuan mana-mana pembatalan Konvensyen ini berserta dengan tarikhnya dan tarikh yang pembatalan itu mula berkuat kuasa;

(b) menyampaikan salinan benar yang diperakui Konvensyen ini kepada semua Negara Pejanji;

(c) memberikan Pihak Berkuasa Penyeliaan dan Pendaftar satu salinan setiap surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, berserta dengan tarikh penyimpanannya, bagi setiap perisytiharan atau penarikan balik atau pindaan perisytiharan dan setiap pemberitahuan pembatalan, berserta dengan tarikh pemberituannya, supaya maklumat yang terkandung dalamnya boleh didapati dengan mudah dan sepenuhnya; dan

(d) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang lazim bagi pemegang simpanan.

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS, Plenipotensiar yang bertandatangan di bawah, yang diberi kuasa dengan sewajarnya, telah menandatangani Konvensyen ini.

DIBUAT di Cape Town, enam belas hari bulan November, dua ribu satu, dalam satu salinan asal dalam bahasa Inggeris, Arab, Cina, Perancis, Rusia dan Sepanyol, kesemua teks adalah sama sahinya, kesahihan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila ditentusahkan oleh Urus Setia Bersama Persidangan di bawah kuasa Presiden Persidangan dalam masa sembilan puluh hari tentang ketepatan teks antara satu sama lain.

JADUAL KEDUA
[Subseksyen 2(1)]

PROTOKOL KEPADA KONVENSYEN TENTANG KEPENTINGAN
ANTARABANGSA MENGENAI KELENGKAPAN BERGERAK TENTANG
PERKARA-PERKARA KHUSUS PADA KELENGKAPAN
PESAWAT UDARA

PIHAK-PIHAK NEGARA KEPADA PROTOKOL INI,

MENGANGGAPNYA perlu untuk melaksanakan Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak (kemudian daripada ini disebut “Konvensyen”) sebagaimana ia berkaitan dengan kelengkapan pesawat udara, berdasarkan maksud yang dinyatakan dalam mukadimah kepada Konvensyen,

MENGETAHUI keperluan untuk menyesuaikan Konvensyen bagi memenuhi kehendak tertentu pembiayaan pesawat udara dan untuk memperluas bidang pemakaian Konvensyen supaya termasuk kontrak jualan kelengkapan pesawat udara,

MENGETAHUI prinsip dan objektif Konvensyen tentang Penerbangan Awam Antarabangsa, yang ditandatangani di Chicago pada 7 Disember 1944,

TELAH BERSETUJU dengan peruntukan yang berikut yang berhubungan dengan kelengkapan pesawat udara:

Bab I

Bidang pemakaian dan peruntukan am

Perkara 1 – Istilah yang ditakrifkan

1. Dalam Protokol ini, kecuali jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah-istilah yang digunakan dalam Protokol ini mempunyai pengertian yang dinyatakan dalam Konvensyen.
2. Dalam Protokol ini istilah yang berikut digunakan dengan pengertian yang dinyatakan di bawah:
 - (a) “pesawat udara” ertinya pesawat udara sebagaimana yang ditakrifkan bagi maksud Konvensyen Chicago yang berupa sama ada kerangka pesawat udara dengan enjin pesawat udara yang dipasangkan padanya atau helikopter;

- (b) “enjin pesawat udara” ertinya enjin pesawat udara (selain yang digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam atau polis) yang berkuasakan perejanan jet atau teknologi turbin atau omboh dan:
- (i) dalam hal enjin pesawat udara perejanan jet, mempunyai sekurang-kurangnya 1750 lb tujuh atau yang bersamaan dengannya; dan
 - (ii) dalam hal enjin pesawat udara yang berkuasakan turbin atau omboh, mempunyai sekurang-kurangnya pada kadar 550 kuasa kuda aci naik terbang atau yang bersamaan dengannya,
- berserta dengan semua modul dan aksesori, barang dan kelengkapan yang dipasang, digabungkan atau dilekatkan dan segala data, manual dan rekod yang berhubungan dengannya;
- (c) “objek pesawat udara” ertinya kerangka pesawat udara, enjin pesawat udara dan helikopter;
- (d) “daftar pesawat udara” ertinya suatu daftar yang disenggarakan oleh sesuatu Negara atau pihak berkuasa yang mendaftarkan cap biasa bagi maksud Konvensyen Chicago;
- (e) “kerangka pesawat udara” ertinya kerangka pesawat udara (selain yang digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam atau polis) yang, apabila enjin pesawat udara yang sesuai dipasangkan padanya, ialah jenis yang diperakukan oleh pihak berkuasa penerbangan yang berwibawa untuk mengangkut:
- (i) sekurang-kurangnya lapan (8) orang, termasuk anak kapal; atau
 - (ii) barangan melebihi 2750 kilogram,
- berserta dengan semua aksesori, barang atau kelengkapan yang dipasang, digabungkan atau dilekatkan (selain enjin pesawat udara), dan segala data, manual dan rekod yang berhubungan dengannya;
- (f) “pihak yang diberi kuasa” ertinya pihak yang disebut dalam Perkara XIII(3);
- (g) “Konvensyen Chicago” ertinya Konvensyen tentang Penerbangan Awam Antarabangsa, yang ditandatangani di Chicago pada 7 Disember 1944, sebagaimana yang dipinda, dan Tambahannya;
- (h) “pihak berkuasa yang mendaftarkan cap biasa” ertinya pihak berkuasa yang menyenggarakan suatu daftar mengikut Perkara 77 Konvensyen Chicago sebagaimana yang dilaksanakan oleh Resolusi yang diterima pakai pada 14 Disember 1967 oleh Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa tentang kerakyatan dan pendaftaran pesawat udara yang dikendalikan oleh agensi pengendalian antarabangsa;
- (i) “pembatalan pendaftaran pesawat udara” ertinya pemotongan atau pengeluaran pendaftaran pesawat udara daripada daftar pesawat udaranya mengikut Konvensyen Chicago;

- (j) “kontrak gerenti” ertinya sesuatu kontrak yang dibuat oleh seseorang sebagai penjamin;
- (k) “penjamin” ertinya seseorang yang, bagi maksud menjamin pelaksanaan apa-apa obligasi yang memihak kepada pemiutang yang dijamin oleh suatu perjanjian cagaran atau di bawah suatu perjanjian, memberikan atau mengeluarkan suatu jaminan atau meminta gerenti atau surat kredit tunggu sedia atau mana-mana bentuk insurans kredit yang lain;
- (l) “helikopter” ertinya mesin yang lebih berat daripada udara (selain yang digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam atau polis) yang disokong dalam penerbangan terutamanya oleh tindak balas udara pada satu pemutar pacuan kuasa atau lebih atas sebahagian besar paksi menegak dan yang merupakan jenis yang diperakukan oleh pihak berkuasa penerbangan berwibawa untuk mengangkut:
 - (i) sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk anak kapal; atau
 - (ii) barangan yang melebihi 450 kilogram,berserta dengan semua aksesori, barang dan kelengkapan (termasuk pemutar) yang dipasang, digabungkan atau dilekatkan, dan segala data, manual dan rekod yang berhubungan dengannya;
- (m) “peristiwa yang berkaitan dengan ketidakmampuan bayar” ertinya:
 - (i) pemulaan prosiding ketidakmampuan bayar; atau
 - (ii) niat yang telah diisytiharkan untuk menggantung atau penggantungan sebenar pembayaran oleh penghutang jika hak pemiutang untuk memulakan prosiding ketidakmampuan bayar terhadap penghutang itu atau untuk melaksanakan remedi di bawah Konvensyen dihalang atau digantung oleh undang-undang atau tindakan Negara;
- (n) “bidang kuasa ketidakmampuan bayar utama” ertinya Negara Pejanji yang pusat kepentingan utama penghutang terletak, yang bagi maksud ini hendaklah disifatkan menjadi tempat berkanun penghutang atau, jika tiada, tempat di mana penghutang diperbadankan atau ditubuhkan, melainkan jika dibuktikan selainnya;
- (o) “pihak berkuasa pejabat pendaftaran” ertinya pihak berkuasa negara atau pihak berkuasa yang mendaftarkan cap biasa, yang menyenggarakan suatu daftar pesawat udara dalam suatu Negara Pejanji dan bertanggungjawab bagi pendaftaran dan pembatalan pendaftaran pesawat udara mengikut Konvensyen Chicago; dan
- (p) “Negara pejabat pendaftaran” ertinya, berkenaan dengan sesuatu pesawat udara, Negara dalam daftar kebangsaan yang sesuatu pesawat udara dicatatkan atau Negara lokasi pihak berkuasa yang mendaftarkan cap biasa yang menyenggarakan daftar pesawat udara.

Perkara II – Pemakaian Konvensyen mengenai objek pesawat udara

1. Konvensyen hendaklah terpakai berhubung dengan objek pesawat udara sebagaimana yang diperuntukkan oleh terma Protokol ini.
2. Konvensyen dan Protokol ini hendaklah dikenali sebagai Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak sebagaimana yang terpakai bagi objek pesawat udara.

Perkara III – Pemakaian Konvensyen bagi jualan

Peruntukan Konvensyen yang berikut terpakai seolah-olah sebutan mengenai perjanjian yang mewujudkan atau memperuntukkan kepentingan antarabangsa ialah sebutan mengenai kontrak jualan dan seolah-olah sebutan mengenai kepentingan antarabangsa, kepentingan antarabangsa prospektif, penghutang dan pemiutang ialah sebutan mengenai masing-masing jualan, jualan prospektif, penjual dan pembeli:

Perkara 3 dan 4;

Perkara 16(1)(a);

Perkara 19(4);

Perkara 20(1) (mengenai pendaftaran kontrak jualan atau jualan prospektif);

Perkara 25(2) (mengenai jualan prospektif); dan

Perkara 30.

Sebagai tambahan, peruntukan am Perkara 1, Perkara 5, Bab IV hingga VII, Perkara 29 (selain Perkara 29(3) yang digantikan oleh Perkara XIV(1) dan (2)), Bab X, Bab XII (selain Perkara 43), Bab XIII dan Bab XIV (selain Perkara 60) hendaklah terpakai bagi kontrak jualan dan jualan prospektif.

Perkara IV – Bidang pemakaian

1. Tanpa menjejaskan Perkara 3(1) Konvensyen, Konvensyen hendaklah juga terpakai berhubung dengan helikopter, atau dengan kerangka pesawat udara mengenai pesawat udara, yang didaftarkan dengan daftar pesawat udara Negara Pejanji yang merupakan Negara pejabat pendaftaran, dan jika pendaftaran sedemikian dibuat menurut suatu perjanjian bagi pendaftaran pesawat udara pendaftaran itu disifatkan telah dikuatkuasakan pada masa perjanjian itu.
2. Bagi maksud takrif “transaksi dalaman” dalam Perkara 1 Konvensyen:
 - (a) suatu kerangka pesawat udara yang terletak dalam Negara pejabat pendaftaran pesawat udara yang baginya ia menjadi sebahagiannya;
 - (b) suatu enjin pesawat udara adalah terletak dalam Negara pejabat pendaftaran pesawat udara yang padanya ia dipasang atau, jika ia tidak dipasang pada pesawat udara, tempat ia terletak secara fizikal; dan

(c) helikopter yang terletak dalam Negara pejabat pendaftarannya, pada masa pembuatan perjanjian yang mewujudkan atau memperuntukkan kepentingan itu.

3. Pihak-pihak boleh, melalui perjanjian secara bertulis, tidak memasukkan pemakaian Perkara XI dan, dalam hubungan mereka antara satu sama lain, mengurangkan atau mengubah kesan mana-mana peruntukan Protokol ini kecuali Perkara IX (2)-(4).

Perkara V – Formaliti, kesan dan pendaftaran kontrak jualan

1. Bagi maksud Protokol ini, suatu kontrak jualan ialah satu yang:
 - (a) bertulis;
 - (b) berhubung dengan objek pesawat udara yang penjual mempunyai kuasa untuk melupuskannya; dan
 - (c) membolehkan objek pesawat udara dikenal pasti yang bertepatan dengan Protokol ini.
2. Suatu kontrak jualan memindahkan kepentingan penjual mengenai objek pesawat udara kepada pembeli mengikut terma-termannya.
3. Pendaftaran sesuatu kontrak jualan terus berkuat kuasa untuk selamanya. Pendaftaran jualan prospektif akan terus berkuat kuasa melainkan jika dibatalkan atau sehingga tamat tempoh, jika ada, yang dinyatakan dalam pendaftaran itu.

Perkara VI – Kuasa perwakilan

Seseorang boleh membuat suatu perjanjian atau penjualan, dan mendaftarkan suatu kepentingan antarabangsa mengenai, atau penjualan, sesuatu objek pesawat udara, dalam suatu agensi, amanah atau sifat perwakilan yang lain. Dalam hal sedemikian, orang itu berhak untuk menegaskan hak dan kepentingannya di bawah Konvensyen.

Perkara VII – Perihal objek pesawat udara

Suatu perihal objek pesawat udara yang mengandungi nombor siri pembuatnya, nama pembuatnya dan penetapan modelnya adalah perlu dan mencukupi untuk mengenal pasti objek itu bagi maksud Perkara 7(c) Konvensyen dan Perkara V(1)(c) Protokol ini.

Perkara VIII – Pilihan undang-undang

1. Perkara ini terpakai hanya jika Negara Pejanji telah membuat suatu perisytiharan menurut Perkara XXX(1).

2. Pihak-pihak kepada suatu perjanjian, atau kontrak jualan, atau kontrak gerenti yang berhubungan atau perjanjian pengetepian boleh bersetuju tentang undang-undang yang hendaklah tertakluk kepada hak dan obligasi kontrak mereka, secara keseluruhan atau sebahagiannya.
3. Melainkan jika dipersetujui selainnya, sebutan dalam perenggan yang terdahulu mengenai undang-undang yang dipilih oleh pihak-pihak itu ialah mengenai rukun undang-undang domestik Negara yang ditetapkan itu atau, jika Negara itu terdiri daripada beberapa unit wilayah, mengenai undang-undang domestik unit wilayah yang ditetapkan itu.

Bab II

Remedi keingkaran, keutamaan dan penyerahhakan

Perkara IX — Pengubahsuaian peruntukan remedi keingkaran

1. Sebagai tambahan kepada remedi yang dinyatakan dalam Bab III Konvensyen, pemiutang boleh, setakat yang penghutang telah pada bila-bila masa bersetuju sedemikian dan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Bab itu:
 - (a) mendapatkan pembatalan pendaftaran pesawat udara itu; dan
 - (b) mendapatkan pengeksportan dan pemindahan fizikal objek pesawat udara dari wilayah yang dalamnya objek pesawat udara itu terletak.
2. Pemiutang tidak boleh melaksanakan remedi yang dinyatakan dalam perenggan yang terdahulu tanpa keizinan terlebih dahulu secara bertulis pemegang mana-mana kepentingan berdaftar yang kedudukannya lebih utama berbanding dengan pemiutang itu.
3. Perkara 8(3) Konvensyen tidak terpakai bagi objek pesawat udara. Apa-apa remedi yang diberikan oleh Konvensyen berhubung dengan objek pesawat udara hendaklah dilaksanakan mengikut cara yang semunasabahnya komersial. Sesuatu remedi hendaklah disifatkan dilaksanakan mengikut cara yang semunasabahnya komersial jika ia dilaksanakan bertepatan dengan peruntukan perjanjian melainkan jika peruntukan sedemikian secara nyata tidak munasabah.
4. Seseorang pemegang gadaian yang memberikan notis bertulis terdahulu selama sepuluh hari bekerja atau lebih bagi suatu jualan atau pajakan yang dicadangkan kepada orang yang berkepentingan hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak memberikan “notis terlebih dahulu yang munasabah” yang dinyatakan dalam Perkara 8(4) Konvensyen. Yang disebut terdahulu ini tidaklah menghalang pemegang gadaian dan penggadai atau penjamin daripada menyetujui tempoh notis terlebih dahulu yang lebih panjang.
5. Pihak berkuasa pejabat pendaftaran dalam Negara Pejanji hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan keselamatan yang terpakai, menunaikan permintaan bagi pembatalan pendaftaran dan eksport jika:
 - (a) permintaan itu dikemukakan dengan sepatutnya oleh pihak yang diberi kuasa di bawah pembatalan pendaftaran tidak boleh batal yang direkodkan dan kebenaran permintaan eksport; dan

- (b) pihak yang diberi kuasa memperaku kepada pihak berkuasa pejabat pendaftaran, jika dikehendaki oleh pihak berkuasa itu, bahawa semua kepentingan berdaftar yang kedudukannya lebih utama berbanding dengan pemiutang itu yang bagi faedahnya kebenaran itu telah dikeluarkan telah dibatalkan atau pemegang kepentingan itu telah mengizinkan pembatalan pendaftaran dan eksport itu.

6. Seseorang pemegang gadaian yang bercadang untuk mendapatkan pembatalan pendaftaran dan eksport pesawat udara di bawah perenggan 1 selain menurut perintah mahkamah hendaklah memberikan notis terlebih dahulu yang munasabah secara bertulis tentang pembatalan pendaftaran dan eksport yang dicadangkan itu kepada:

- (a) orang yang berkepentingan yang dinyatakan dalam Perkara 1(m)(i) dan (ii) Konvensyen; dan
- (b) orang yang berkepentingan yang dinyatakan dalam Perkara 1(m)(iii) Konvensyen yang telah memberikan notis mengenai hak mereka kepada pemegang gadaian dalam masa yang munasabah sebelum pembatalan pendaftaran dan eksport itu.

Perkara X – Pengubahsuaian peruntukan mengenai relief sementara menunggu penyelesaian muktamad

1. Perkara ini terpakai hanya jika sesuatu Negara Pejanji telah membuat suatu perisytiharan di bawah Perkara XXX(2) dan setakat yang dinyatakan dalam perisytiharan itu.

2. Bagi maksud Perkara 13(1) Konvensyen, “cepat” dalam konteks mendapatkan relief artinya dalam masa bilangan hari bekerja dari tarikh pemfailan permohonan bagi relief sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu perisytiharan yang dibuat oleh Negara Pejanji yang permohonan itu dibuat.

3. Perkara 13(1) Konvensyen terpakai dengan yang berikut ditambah sebaik selepas subperenggan (d):

- “(e) jika pada bila-bila masa penghutang dan pemiutang secara khusus bersetuju, penjualan dan penggunaan hasil daripadanya”,

dan Perkara 43(2) terpakai dengan kemasukan selepas perkataan “Perkara 13(1)(d)” perkataan “dan (e)”.

4. Pemunyaan atau apa-apa kepentingan lain penghutang yang berpindah semasa penjualan di bawah perenggan yang terdahulu adalah bebas daripada manamana kepentingan lain yang ke atasnya kepentingan antarabangsa pemiutang mempunyai keutamaan di bawah peruntukan Perkara 29 Konvensyen.

5. Pemiutang dan penghutang atau mana-mana orang yang berkepentingan boleh bersetuju secara bertulis untuk mengecualikan pemakaian Perkara 13(2) Konvensyen.

6. Berkenaan dengan remedi dalam Perkara IX(1):
- (a) remedi-remedi itu hendaklah dijadikan boleh didapati oleh pihak berkuasa pejabat pendaftaran dan pihak berkuasa pentadbiran yang lain, sebagaimana yang terpakai, dalam Negara Pejanji tidak lewat daripada lima hari bekerja selepas pemiutang memberitahu pihak berkuasa itu bahawa relief yang dinyatakan dalam Perkara IX(1) diberikan atau, dalam hal relief yang diberikan oleh mahkamah asing, diiktiraf oleh mahkamah Negara Pejanji itu, dan bahawa pemiutang itu berhak untuk mendapatkan remedi itu mengikut Konvensyen; dan
 - (b) pihak-pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah dengan secepat mungkin bekerjasama dengan dan membantu pemiutang dalam melaksanakan remedi itu bertepatan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan keselamatan penerbangan yang terpakai.
7. Perenggan 2 dan 6 tidaklah menyentuh mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan keselamatan penerbangan yang terpakai.

Perkara XI — Remedi atas ketidakmampuan bayar

1. Perkara ini terpakai hanya jika Negara Pejanji yang menjadi bidang kuasa ketidakmampuan bayar yang utama telah membuat perisytiharan menurut Perkara XXX (3).

Alternatif A

2. Apabila berlaku peristiwa yang berkaitan dengan ketidakmampuan bayar, pentadbir ketidakmampuan bayar atau penghutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, tertakluk kepada perenggan 7, memberikan milikan objek pesawat udara itu kepada pemiutang tidak lewat daripada masa yang lebih awal:

- (a) berakhirnya tempoh menunggu; dan
- (b) tarikh yang pemiutang sepatutnya layak mendapat milikan objek pesawat udara itu jika Perkara ini tidak terpakai.

3. Bagi maksud Perkara ini, “tempoh menunggu” ialah tempoh yang dinyatakan dalam perisytiharan Negara Pejanji yang menjadi bidang kuasa ketidakmampuan bayar utama.

4. Sebutan dalam Perkara ini mengenai “pentadbir ketidakmampuan bayar” hendaklah merupakan sebutan mengenai orang itu atas sifat rasminya, bukan atas sifat peribadinya.

5. Melainkan jika dan sehingga pemiutang diberi peluang untuk mengambil milikan di bawah perenggan 2:

- (a) pentadbir ketidakmampuan bayar atau penghutang, mengikut yang berkenaan, hendaklah memulihara dan menyenggarakan objek pesawat udara itu dan nilainya mengikut perjanjian itu; dan

- (b) pemiutang adalah berhak untuk memohon apa-apa bentuk relief interim yang lain yang ada di bawah undang-undang yang terpakai.
6. Subperenggan (a) perenggan yang terdahulu tidaklah menghalang penggunaan objek pesawat udara di bawah perkiraan yang direka bentuk untuk memulihara objek pesawat udara dan menyenggarakannya dan nilainya.
7. Pentadbir ketidakmampuan bayar atau penghutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, menyimpan milikan objek pesawat udara itu jika, mengikut masa yang dinyatakan dalam perenggan 2, ia telah memulihkan semua keingkaran selain keingkaran yang dibuat melalui pembukaan prosiding ketidakmampuan bayar dan telah bersetuju untuk melaksanakan semua obligasi pada masa hadapan di bawah perjanjian itu. Tempoh menunggu yang kedua tidaklah terpakai berkenaan dengan keingkaran dalam melaksanakan obligasi pada masa hadapan.
8. Mengenai remedi dalam Perkara IX(1):
- (a) remedi itu hendaklah dijadikan boleh didapati oleh pihak berkuasa pejabat pendaftaran dan pihak berkuasa pentadbiran dalam Negara Pejanji, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak lewat daripada lima hari bekerja selepas tarikh pemiutang memberitahu pihak berkuasa itu bahawa ia berhak untuk mendapatkan remedi itu mengikut Konvensyen; dan
- (b) pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah secepat mungkin bekerjasama dengan dan membantu pemiutang dalam melaksanakan remedi itu bertepatan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan keselamatan penerbangan yang terpakai.
9. Tiada pelaksanaan remedi yang dibenarkan oleh Konvensyen atau Protokol ini boleh dihalang atau dilengahkan selepas tarikh yang dinyatakan dalam perenggan 2.
10. Tiada obligasi penghutang di bawah perjanjian boleh diubahsuaikan tanpa keizinan pemiutang.
11. Tiada apa-apa jua dalam perenggan yang terdahulu boleh ditafsirkan sebagai menyentuh kuasa, jika ada, pentadbir ketidakmampuan bayar di bawah undang-undang yang terpakai untuk membatalkan perjanjian itu.
12. Tiada hak atau kepentingan, kecuali bagi kategori hak atau kepentingan bukan sepersetujuan yang diliputi oleh perisytiharan menurut Perkara 39(1), hendaklah mempunyai keutamaan dalam prosiding ketidakmampuan bayar ke atas kepentingan berdaftar.
13. Konvensyen sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perkara IX Protokol ini hendaklah terpakai dalam melaksanakan mana-mana remedi di bawah Perkara ini.

Alternatif B

2. Apabila berlakunya peristiwa yang berkaitan dengan ketidakmampuan bayar, pentadbir ketidakmampuan bayar atau penghutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila diminta oleh pemiutang, hendaklah memberi pemiutang notis dalam masa yang dinyatakan dalam perisytiharan Negara Pejanji menurut Perkara XXX(3) sama ada ia akan:

- (a) memulihkan semua keingkaran selain keingkaran yang dibuat melalui pembukaan prosiding ketidakmampuan bayar dan bersetuju untuk melaksanakan semua obligasi pada masa hadapan, di bawah perjanjian dan dokumen transaksi yang berkaitan; atau
- (b) memberi pemiutang peluang untuk mengambil milikan objek pesawat udara, mengikut undang-undang yang terpakai.

3. Undang-undang yang terpakai yang disebut dalam subperenggan (b) perenggan yang terdahulu boleh membenarkan mahkamah untuk menghendaki pengambilan apa-apa langkah tambahan atau peruntukan apa-apa jaminan tambahan.

4. Pemiutang hendaklah memberikan keterangan mengenai tuntutan dan bukti bahawa kepentingan antarabangsanya telah didaftarkan.

5. Jika pentadbir ketidakmampuan bayar atau penghutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak memberikan notis bertepatan dengan perenggan 2, atau apabila pentadbir ketidakmampuan bayar atau penghutang telah mengisytiharkan bahawa ia akan memberi peluang kepada pemiutang untuk mengambil milikan objek pesawat udara tetapi gagal berbuat demikian, mahkamah boleh membenarkan pemiutang untuk mengambil milikan objek pesawat udara mengikut apa-apa terma sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah dan boleh menghendaki pengambilan apa-apa langkah tambahan atau peruntukan apa-apa jaminan tambahan.

6. Objek pesawat udara tidak boleh dijual sementara menunggu keputusan oleh mahkamah berkenaan dengan tuntutan dan kepentingan antarabangsa.

Perkara XII – Bantuan ketidakmampuan bayar

1. Perkara ini terpakai hanya jika Negara Pejanji telah membuat perisytiharan menurut Perkara XXX(1).

2. Mahkamah Negara Pejanji yang dalamnya objek pesawat udara terletak hendaklah, mengikut undang-undang Negara Pejanji, bekerjasama ke takat semaksimum yang boleh dengan mahkamah asing dan pentadbir ketidakmampuan bayar asing dalam melaksanakan peruntukan Perkara XI.

Perkara XIII – Pembatalan pendaftaran dan kebenaran permintaan eksport

1. Perkara ini terpakai hanya jika Negara Pejanji telah membuat perisytiharan menurut Perkara XXX(1).

2. Jika penghutang telah mengeluarkan pembatalan pendaftaran tidak boleh batal dan kebenaran permintaan eksport yang sebahagian besarnya mengikut bentuk yang dilampirkan kepada Protokol ini dan telah mengemukakan kebenaran itu bagi direkodkan kepada pihak berkuasa pejabat pendaftaran, kebenaran itu hendaklah direkodkan sedemikian.
3. Orang yang bagi faedahnya kebenaran itu telah dikeluarkan (“pihak diberi kuasa”) atau orang ditetapkannya yang diperakukan hendaklah menjadi orang tunggal yang berhak untuk melaksanakan remedi yang dinyatakan dalam Perkara IX(1) dan boleh berbuat demikian hanya mengikut kebenaran dan undang-undang dan peraturan-peraturan keselamatan penerbangan yang terpakai. Kebenaran sedemikian boleh tidak dibatalkan oleh penghutang tanpa keizinan secara bertulis pihak yang diberi kuasa. Pihak berkuasa pejabat pendaftaran hendaklah mengeluarkan kebenaran daripada pejabat pendaftaran atas permintaan pihak yang diberi kuasa.
4. Pihak berkuasa pejabat pendaftaran dan pihak berkuasa pentadbiran lain dalam Negara Pejanji hendaklah dengan secepat mungkin bekerjasama dengan dan membantu pihak diberi kuasa dalam melaksanakan remedi yang dinyatakan dalam Perkara IX.

Perkara XIV – Pengubahsuaian peruntukan utama

1. Seseorang pembeli objek pesawat udara di bawah jualan berdaftar memperoleh kepentingannya mengenai objek itu bebas daripada kepentingan yang didaftarkan kemudiannya dan daripada kepentingan yang tidak berdaftar, walaupun pembeli itu mempunyai pengetahuan sebenar tentang kepentingan yang tidak berdaftar itu.
2. Seseorang pembeli objek pesawat udara memperoleh kepentingannya mengenai objek itu tertakluk kepada kepentingan yang didaftarkan pada masa pemerolehannya.
3. Pemunyaan hak atau kepentingan atau hak atau kepentingan lain dalam enjin pesawat udara tidaklah terjejas dengan pemasangannya pada atau pengalihannya daripada pesawat udara.
4. Perkara 29(7) Konvensyen terpakai bagi sesuatu barang, selain objek, yang dipasangkan pada kerangka pesawat udara, enjin pesawat udara atau helikopter.

Perkara XV – Pengubahsuaian peruntukan penyerahhakan

Perkara 33(1) Konvensyen terpakai seolah-olah yang berikut telah ditambah sebaik selepas subperenggan (b):

- “dan (c) penghutang telah memberi keizinan secara bertulis, sama ada atau tidak keizinan telah diberikan terdahulu daripada penyerahhakan atau mengenal pasti penerima serah hak.”

Perkara XVI — Peruntukan penghutang

1. Jika tiada keingkaran berlaku mengikut pengertian Perkara 11 Konvensyen, penghutang adalah berhak kepada milikan aman dan penggunaan objek mengikut perjanjian terhadap:

- (a) pemiutangnya dan pemegang mana-mana kepentingan yang daripadanya penghutang mengambil dengan bebas menurut Perkara 29(4) Konvensyen atau, atas sifat pembeli, Perkara XIV(1) Protokol ini, melainkan jika dan setakat penghutang itu telah bersetuju selainnya; dan
- (b) pemegang mana-mana kepentingan yang kepadanya hak atau kepentingan penghutang adalah tertakluk menurut Perkara 29(4) Konvensyen atau, atas sifat pembeli, Perkara XIV(2) Protokol ini, tetapi hanya setakat, jika ada, yang pemegang itu telah bersetuju.

2. Tiada apa-apa jua dalam Konvensyen atau Protokol ini menyentuh liabiliti seseorang pemiutang bagi apa-apa pelanggaran perjanjian di bawah undang-undang yang terpakai setakat yang perjanjian itu berkaitan dengan objek pesawat udara.

Bab III

Peruntukan pejabat pendaftaran yang berhubungan dengan kepentingan antarabangsa mengenai objek pesawat udara

Perkara XVII — Pihak Berkuasa Penyeliaan dan Pendaftaran

1. Pihak Berkuasa Penyeliaan hendaklah menjadi entiti antarabangsa yang ditetapkan oleh Resolusi yang diterima pakai oleh Persidangan Diplomatik untuk Menerima Pakai Konvensyen Kelengkapan Bergerak dan Protokol Pesawat Udara.

2. Jika entiti antarabangsa yang disebut dalam perenggan yang terdahulu tidak boleh dan tidak sanggup bertindak sebagai Pihak Berkuasa Penyeliaan, Persidangan Penandatanganan dan Negara Pejanji hendaklah diadakan untuk menetapkan Pihak Berkuasa Penyeliaan yang lain.

3. Pihak Berkuasa Penyeliaan dan pegawai dan pekerjaannya hendaklah menikmati apa-apa kekebalan daripada proses undang-undang dan pentadbiran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah yang terpakai bagi mereka sebagai entiti antarabangsa atau selainnya.

4. Pihak Berkuasa Penyeliaan boleh menubuhkan suatu suruhanjaya pakar, daripada kalangan orang yang dinamakan oleh Penandatanganan dan Negara Pejanji dan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang perlu, dan mengamanahkannya dengan tugas membantu Pihak Berkuasa Penyeliaan dalam menunaikan fungsinya.

5. Pendaftar yang pertama hendaklah mengendalikan Pejabat Pendaftaran Antarabangsa bagi tempoh lima tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Protokol ini. Selepas itu, Pendaftar hendaklah dilantik atau dilantik semula pada lat tempoh tetap lima tahun oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan.

Perkara XVIII – Peraturan-peraturan pertama

Peraturan-peraturan pertama hendaklah dibuat oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan supaya dapat berkuat kuasa apabila Protokol ini mula berkuat kuasa.

Perkara XIX – Titik masuk yang ditetapkan

1. Tertakluk kepada perenggan 2, sesuatu Negara Pejanji boleh pada bila-bila masa menetapkan suatu entiti atau entiti-entiti dalam wilayahnya sebagai titik masuk atau titik-titik masuk yang melaluinya hendaklah atau bolehlah dihantar kepada Pejabat Pendaftaran Antarabangsa maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran selain pendaftaran notis kepentingan negara atau suatu hak atau kepentingan di bawah Perkara 40, dalam mana-mana hal itu yang timbul di bawah undang-undang Negara lain.
2. Suatu penetapan yang dibuat di bawah perenggan yang terdahulu boleh membenarkan, tetapi tidak boleh memaksa, penggunaan titik masuk atau titik-titik masuk yang ditetapkan bagi maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran berkenaan dengan enjin pesawat udara.

Perkara XX – Pengubahsuaian tambahan kepada peruntukan Pejabat Pendaftaran

1. Bagi maksud Perkara 19(6) Konvensyen, kriteria carian bagi objek pesawat udara ialah nama pembuatnya, nombor siri pembuatnya dan penetapan modelnya, ditambah sebagaimana yang perlu untuk memastikan keunikannya. Maklumat tambahan itu hendaklah dinyatakan dalam peraturan-peraturan itu.
2. Bagi maksud Perkara 25(2) Konvensyen dan dalam hal keadaan yang diperihalkan dalamnya, pemegang kepentingan antarabangsa prospektif yang berdaftar atau penyerahhakan prospektif yang berdaftar bagi kepentingan antarabangsa atau orang yang bagi faedahnya jualan prospektif itu telah didaftarkan hendaklah mengambil apa-apa langkah yang ada dalam kuasanya untuk mendapatkan pembatalan pendaftaran itu tidak lewat daripada lima hari bekerja selepas penerimaan permintaan yang diperihalkan dalam perenggan itu.
3. Fi yang disebut dalam Perkara 17(2)(h) Konvensyen hendaklah ditentukan supaya dapat mengembalikan kos yang munasabah bagi penubuhan, pengendalian dan pengawalan selia Pejabat Pendaftaran Antarabangsa dan kos yang munasabah Pihak Berkuasa Penyeliaan yang dikaitkan dengan pelaksanaan fungsi, penjalanan kuasa, dan penunaian tugas yang dijangkakan oleh Perkara 17(2) Konvensyen.
4. Fungsi terpusat Pejabat Pendaftaran Antarabangsa hendaklah dikendalikan dan ditadbirkan oleh Pendaftar berdasarkan dua puluh empat jam sehari. Titik masuk yang berbagai-bagai hendaklah dikendalikan sekurang-kurangnya semasa waktu bekerja dalam wilayah masing-masing.

5. Amaun insurans atau jaminan kewangan yang disebut dalam Perkara 28(4) Konvensyen hendaklah, berkenaan dengan setiap peristiwa, tidak kurang daripada nilai maksimum objek pesawat udara sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan.
6. Tiada apa-apa jua dalam Konvensyen boleh menghalang Pendaftar daripada mendapatkan insurans atau jaminan kewangan yang meliputi peristiwa yang baginya Pendaftar tidak bertanggung di bawah Perkara 28 Konvensyen.

Bab IV

Bidang kuasa

Perkara XXI — Pengubahsuaian peruntukan bidang kuasa

Bagi maksud Perkara 43 Konvensyen dan tertakluk kepada Perkara 42 Konvensyen, mahkamah Negara Pejanji juga mempunyai bidang kuasa apabila objek itu ialah helikopter, atau kerangka pesawat udara berkaitan dengan pesawat udara, yang baginya Negara itu ialah Negara pejabat pendaftaran.

Perkara XXII — Penepian kekebalan berdaulat

1. Tertakluk kepada perenggan 2, penepian sesuatu kekebalan berdaulat daripada bidang kuasa mahkamah yang dinyatakan dalam Perkara 42 atau Perkara 43 Konvensyen atau yang berhubungan dengan penguatkuasaan hak dan kepentingan yang berhubungan dengan objek pesawat udara di bawah Konvensyen hendaklah mengikat dan, jika syarat-syarat lain kepada bidang kuasa atau penguatkuasaan itu telah dipenuhi, hendaklah berkuat kuasa untuk memberikan bidang kuasa dan membenarkan penguatkuasaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
2. Penepian di bawah perenggan yang terdahulu mestilah secara bertulis dan mengandungi perihalan objek pesawat udara itu.

Bab V

Hubungan dengan Konvensyen yang lain

Perkara XXIII — Hubungan dengan Konvensyen tentang Pengiktirafan Antarabangsa Hak mengenai Pesawat Udara

Konvensyen hendaklah, bagi Negara Pejanji yang merupakan pihak kepada Konvensyen tentang Pengiktirafan Antarabangsa Hak mengenai Pesawat Udara, yang ditandatangani di Geneva pada 19 Jun 1948, menggantikan Konvensyen itu setakat yang ia berkaitan dengan pesawat udara, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Protokol ini, dan dengan objek pesawat udara. Walau bagaimanapun, mengenai hak atau kepentingan yang tidak diliputi atau disentuh oleh Konvensyen ini, Konvensyen Geneva tidak boleh digantikan.

Perkara XXIV – Hubungan dengan Konvensyen bagi Penyatuan Kaedah-Kaedah Tertentu Yang Berhubungan dengan Pemasangan Cegahan Pesawat Udara

1. Konvensyen hendaklah, bagi Negara Pejanji yang merupakan Pihak kepada Konvensyen bagi Penyatuan Kaedah-Kaedah Tertentu Yang Berhubungan dengan Pemasangan Cegahan Pesawat Udara, yang ditandatangani di Rom pada 29 Mei 1933, menggantikan Konvensyen itu setakat yang ia berkaitan dengan pesawat udara, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Protokol ini.
2. Sesuatu Pihak Negara Pejanji kepada Konvensyen di atas boleh mengisytiharkan, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan Protokol ini, bahawa ia tidak akan memakai Perkara ini.

Perkara XXV – Hubungan dengan Konvensyen UNIDROIT tentang Pemajakan Pembiayaan Antarabangsa

Konvensyen hendaklah menggantikan Konvensyen UNIDROIT tentang Pemajakan Pembiayaan Antarabangsa, yang ditandatangani di Ottawa pada 28 Mei 1988, setakat yang ia berkaitan dengan objek pesawat udara.

Bab VI

Peruntukan-peruntukan akhir

Perkara XXVI – Tandatanganan, ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan

1. Protokol ini hendaklah dibuka untuk tandatangan di Cape Town pada 16 November 2001 oleh Negara-Negara yang menyertai Persidangan Diplomatik untuk Menerima Pakai Konvensyen Kelengkapan Bergerak dan Protokol Pesawat Udara yang diadakan di Cape Town dari 29 Oktober hingga 16 November 2001. Selepas 16 November 2001, Protokol ini hendaklah dibuka kepada semua Negara untuk tandatangan di Ibu Pejabat Institut Antarabangsa bagi Penyatuan Undang-Undang Persendirian (UNIDROIT) di Rom sehinggalah ia berkuat kuasa mengikut Perkara XXVIII.
2. Protokol ini hendaklah tertakluk kepada ratifikasi, penerimaan atau kelulusan Negara-Negara yang telah menandatangani.
3. Mana-mana Negara yang tidak menandatangani Protokol ini boleh menyertainya pada bila-bila masa.
4. Ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan dikuatkuasakan dengan menyimpan surat cara rasmi untuk menguatkuasakannya dengan Pemegang Simpanan.

5. Sesuatu Negara tidak menjadi Pihak kepada Protokol ini melainkan jika ia adalah atau juga menjadi Pihak kepada Konvensyen.

Perkara XXVII – Pertubuhan Integrasi Ekonomi Serantau

1. Pertubuhan Integrasi Ekonomi Serantau yang dibentuk oleh Negara-Negara berdaulat dan mempunyai kewibawaan atas perkara tertentu yang tertakluk kepada Protokol ini boleh juga menandatangani, menerima, meluluskan atau menyertai Protokol ini. Pertubuhan Integrasi Ekonomi Serantau hendaklah dalam hal itu mempunyai hak dan obligasi Negara Pejanji, setakat yang Pertubuhan itu mempunyai kewibawaan atas perkara yang tertakluk kepada Protokol ini. Jika bilangan Negara Pejanji berkaitan dalam Protokol ini, Pertubuhan Integrasi Ekonomi Serantau tidak boleh dikira sebagai Negara Pejanji sebagai tambahan kepada Negara Anggotanya yang merupakan Negara Pejanji.

2. Pertubuhan Integrasi Ekonomi Serantau hendaklah, pada masa tandatangan, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, membuat perisytiharan kepada Pemegang Simpanan dengan menyatakan perkara yang tertakluk kepada Protokol ini yang berkenaan dengannya kewibawaan telah dipindahkan kepada Pertubuhan itu oleh Negara Anggotanya. Pertubuhan Integrasi Ekonomi Serantau hendaklah dengan segera memberitahu Pemegang Simpanan mengenai apa-apa perubahan kepada pembahagian kewibawaan, termasuk pemindahan kewibawaan yang baru, yang dinyatakan dalam perisytiharan di bawah perenggan ini.

3. Mana-mana sebutan mengenai “Negara Pejanji” atau “Negara-Negara Pejanji” atau “Pihak Negara” atau “Pihak-Pihak Negara” dalam Protokol ini terpakai juga bagi Pertubuhan Integrasi Ekonomi Serantau jika konteksnya menghendaki makna sedemikian.

Perkara XXVIII – Permulaan kuat kuasa

1. Protokol ini mula berkuat kuasa pada hari pertama dalam bulan yang berikutan dengan tamat tempoh tiga bulan selepas penyimpanan surat cara kelapan ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, antara Negara-Negara yang telah menyimpan surat cara itu.

2. Bagi Negara lain Protokol ini mula berkuat kuasa pada hari pertama dalam bulan yang berikutan dengan tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh penyimpanan surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan.

Perkara XXIX – Unit-unit wilayah

1. Jika Negara Pejanji mempunyai unit-unit wilayah yang dalamnya sistem undang-undang yang berlainan terpakai berhubung dengan perkara yang diperkatakan dalam Protokol ini, Negara Pejanji itu boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, mengisytiharkan bahawa Protokol ini diperluas kepada semua unit wilayahnya atau hanya kepada satu unit wilayah atau lebih dan boleh mengubahsuaikan perisytiharannya dengan mengemukakan perisytiharan lain pada bila-bila masa.

2. Mana-mana perisytiharan itu hendaklah menyatakan secara nyata unit wilayah yang baginya Protokol ini terpakai.
3. Jika Negara Pejanji tidak membuat apa-apa perisytiharan di bawah perenggan 1, Protokol ini hendaklah terpakai bagi semua unit wilayah Negara itu.
4. Jika Negara Pejanji memperluas Protokol ini kepada satu unit wilayahnya atau lebih, perisytiharan yang dibenarkan di bawah Protokol ini boleh dibuat berkenaan dengan setiap unit wilayah itu, dan perisytiharan yang dibuat berkenaan dengan satu unit wilayah itu boleh berlainan daripada yang dibuat berkenaan dengan unit wilayah yang lain.
5. Jika menurut kuasa sesuatu perisytiharan di bawah perenggan 1, Protokol ini diperluas kepada satu unit wilayah atau lebih Negara Pejanji:
 - (a) penghutang dianggap terletak dalam Negara Pejanji hanya jika penghutang itu diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dalam unit wilayah yang baginya Konvensyen dan Protokol ini terpakai atau jika penghutang itu mempunyai pejabat berdaftar atau tempat berkanun, pusat pentadbiran, tempat perniagaan atau kediaman lazimnya dalam unit wilayah yang baginya Konvensyen dan Protokol ini terpakai;
 - (b) mana-mana sebutan mengenai lokasi objek dalam sesuatu Negara Pejanji merujuk kepada lokasi objek dalam unit wilayah yang baginya Konvensyen dan Protokol ini terpakai; dan
 - (c) mana-mana sebutan mengenai pihak berkuasa pentadbiran dalam Negara Pejanji itu hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada pihak berkuasa pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa dalam unit wilayah yang baginya Konvensyen dan Protokol ini terpakai dan apa-apa sebutan mengenai daftar kebangsaan atau pihak berkuasa pejabat pendaftaran dalam Negara Pejanji itu hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada daftar pesawat udara yang berkuat kuasa atau kepada pihak berkuasa pejabat pendaftaran yang mempunyai bidang kuasa dalam unit wilayah atau unit-unit yang baginya Konvensyen dan Protokol ini terpakai.

Perkara XXX — Perisytiharan yang berhubungan dengan peruntukan tertentu

1. Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan kepada Protokol ini, mengisytiharkan bahawa Negara Pejanji itu akan memakai mana-mana satu atau lebih Perkara VIII, XII dan XIII Protokol ini.
2. Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan kepada Protokol ini, mengisytiharkan bahawa Negara Pejanji itu akan memakai Perkara X Protokol ini, keseluruhannya atau sebahagiannya. Jika Negara Pejanji itu mengisytiharkan sedemikian berkenaan dengan Perkara X(2), Negara Pejanji itu hendaklah menyatakan tempoh masa yang diperlukannya.

3. Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan kepada Protokol ini, mengisytiharkan bahawa Negara Pejanji itu akan memakai keseluruhan Alternatif A, atau keseluruhan Alternatif B Perkara XI dan, jika demikian, hendaklah menyatakan jenis prosiding ketidakmampuan bayar, jika ada, yang kepadanya Negara Pejanji itu akan memakai Alternatif A dan jenis prosiding ketidakmampuan bayar, jika ada, yang kepadanya Negara Pejanji itu akan memakai Alternatif B. Sesuatu Negara Pejanji yang membuat perisytiharan menurut perenggan ini hendaklah menyatakan tempoh masa yang dikehendaki oleh Perkara XI.
4. Mahkamah Negara Pejanji hendaklah memakai Perkara XI bertepatan dengan perisytiharan yang dibuat oleh Negara Pejanji yang merupakan bidang kuasa ketidakmampuan bayar yang utama.
5. Sesuatu Negara Pejanji boleh, pada masa ratifikasi, penerimaan, kelulusan, atau kesertaan kepada Protokol ini, mengisytiharkan bahawa Negara Pejanji itu tidak akan memakai peruntukan Perkara XXI, keseluruhannya atau sebahagiannya. Perisytiharan itu hendaklah menyatakan syarat-syarat yang di bawahnya Perkara berkaitan itu akan terpakai, sekiranya ia akan terpakai sebahagiannya, atau selainnya yang bentuk relief interim lain akan terpakai.

Perkara XXXI – Perisytiharan di bawah Konvensyen

Perisytiharan yang dibuat di bawah Konvensyen, termasuk yang dibuat di bawah Perkara 39, 40, 50, 53, 54, 55, 57, 58 dan 60 Konvensyen, hendaklah disifatkan telah juga dibuat di bawah Protokol ini melainkan jika dinyatakan selainnya.

Perkara XXXII – Reservasi dan perisytiharan

1. Tiada reservasi boleh dibuat kepada Protokol ini tetapi perisytiharan yang dibenarkan oleh Perkara XXIV, XXIX, XXX, XXXI, XXXIII dan XXXIV boleh dibuat mengikut peruntukan-peruntukan ini.
2. Apa-apa perisytiharan atau perisytiharan kemudiannya atau apa-apa penarikan balik perisytiharan yang dibuat di bawah Protokol ini hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Pemegang Simpanan.

Perkara XXXIII – Perisytiharan kemudiannya

1. Sesuatu Negara Pihak boleh membuat perisytiharan kemudiannya, selain perisytiharan yang dibuat mengikut Perkara XXXI di bawah Perkara 60 Konvensyen, pada bila-bila masa selepas tarikh yang Protokol ini mula berkuat kuasa, dengan memberitahu Pemegang Simpanan yang bermaksud sedemikian.
2. Apa-apa perisytiharan kemudiannya hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama dalam bulan yang berikutan dengan tamat tempoh enam bulan selepas tarikh penerimaan pemberitahuan oleh Pemegang Simpanan itu. Jika tempoh

yang lebih panjang bagi perisytiharan itu untuk berkuat kuasa dinyatakan dalam pemberitahuan itu, ia hendaklah berkuat kuasa apabila tamat tempoh yang lebih lama itu selepas penerimaan pemberitahuan oleh Pemegang Simpanan.

3. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, Protokol ini hendaklah terus terpakai, seolah-olah tiada perisytiharan kemudiannya telah dibuat, berkenaan dengan semua hak dan kepentingan yang timbul sebelum tarikh permulaan kuat kuasa mana-mana perisytiharan kemudiannya itu.

Perkara XXXIV – Penarikan balik perisytiharan

1. Mana-mana Negara Pihak yang membuat perisytiharan di bawah Protokol ini, selain perisytiharan yang dibuat mengikut Perkara XXXI di bawah Perkara 60 Konvensyen, boleh menarik balik perisytiharan itu pada bila-bila masa dengan memberitahu Pemegang Simpanan. Penarikan balik itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama dalam bulan yang berikutan dengan tamat tempoh enam bulan selepas penerimaan pemberitahuan oleh Pemegang Simpanan.

2. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, Protokol ini hendaklah terus terpakai, seolah-olah tiada penarikan balik sedemikian telah dibuat, berkenaan dengan semua hak dan kepentingan yang timbul sebelum tarikh permulaan kuat kuasa mana-mana penarikan balik sedemikian.

Perkara XXXV – Pembatalan

1. Mana-mana Pihak Negara boleh membatalkan Protokol ini melalui pemberitahuan secara bertulis kepada Pemegang Simpanan.

2. Mana-mana pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama dalam bulan yang berikutan dengan tamat tempoh dua belas bulan selepas tarikh penerimaan pemberitahuan oleh Pemegang Simpanan.

3. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, Protokol ini hendaklah terus terpakai, seolah-olah tiada pembatalan telah dibuat, berkenaan dengan semua hak dan kepentingan yang timbul sebelum permulaan kuat kuasa mana-mana pembatalan itu.

Perkara XXXVI – Kajian Semula Persidangan, pindaan dan perkara yang berkaitan

1. Pemegang Simpanan, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Penyeliaan, hendaklah menyediakan laporan secara tahunan, atau pada bila-bila masa lain sebagaimana hal keadaan menghendaki, bagi Pihak Negara tentang cara yang rejim antarabangsa ditubuhkan dalam Konvensyen sebagaimana yang dipinda oleh Protokol ini telah diamalkan. Dalam menyediakan laporan itu, Pemegang Simpanan hendaklah mengambil kira laporan oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan berkenaan dengan pemfungsian sistem pendaftaran antarabangsa.

2. Atas permintaan tidak kurang daripada dua puluh lima peratus Pihak Negara, Persidangan Kajian Semula Pihak Negara hendaklah diadakan dari semasa ke semasa oleh Pemegang Simpanan, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Penyeliaan, untuk menimbangkan:

- (a) pengendalian amali Konvensyen sebagaimana yang dipinda oleh Protokol ini dan keberkesanannya dalam memudahkan pembiayaan dan pemajakan berasaskan aset bagi objek yang diliputi oleh termannya;
- (b) tafsiran kehakiman yang diberikan kepada, dan pemakaian yang dibuat bagi terma Protokol ini dan peraturan-peraturan;
- (c) pemfungsian sistem pendaftaran antarabangsa, prestasi Pendaftar dan pengawasannya oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan, dengan mengambil kira laporan Pihak Berkuasa Penyeliaan; dan
- (d) sama ada apa-apa pengubahsuaian kepada Protokol ini atau perkiraan yang berhubungan dengan Pejabat Pendaftaran Antarabangsa adalah wajar.

3. Mana-mana pindaan kepada Protokol ini hendaklah diluluskan oleh sekurang-kurangnya majoriti dua pertiga Pihak Negara yang menyertai Persidangan yang disebut dalam perenggan yang terdahulu dan hendaklah kemudiannya mula berkuat kuasa berkenaan dengan Negara-Negara yang telah meratifikasikan, menerima atau meluluskan pindaan itu apabila ia telah diratifikasikan, diterima atau diluluskan oleh lapan Negara mengikut peruntukan Perkara XXVIII yang berhubungan dengan permulaan kuat kuasanya.

Perkara XXXVII – Pemegang Simpanan dan fungsinya

1. Surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan hendaklah disimpan dengan Institut Antarabangsa bagi Penyatuan Undang-Undang Persendirian (UNIDROIT), yang dengan ini ditetapkan sebagai Pemegang Simpanan.

2. Pemegang Simpanan hendaklah:

- (a) memaklumkan semua Negara Pejanji tentang:
 - (i) setiap tandatangan baru atau penyimpanan surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, berserta dengan tarikhnya;
 - (ii) tarikh permulaan kuat kuasa Protokol ini;
 - (iii) setiap perisytiharan yang dibuat mengikut Protokol ini, berserta dengan tarikhnya;
 - (iv) penarikan balik atau pindaan mana-mana perisytiharan, berserta dengan tarikhnya; dan
 - (v) pemberitahuan mana-mana pembatalan Protokol ini berserta dengan tarikhnya dan tarikh yang ia mula berkuat kuasa;
- (b) menghantar salinan benar yang diperakui Protokol ini kepada semua Negara Pejanji;

Kepentingan Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 61

- (c) menyediakan untuk Pihak Berkuasa Penyeliaan dan Pendaftar suatu salinan setiap surat cara ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan, berserta dengan tarikh penyimpanannya, bagi setiap perisytiharan atau penarikan balik atau pindaan perisytiharan dan bagi setiap pemberitahuan pembatalan, berserta dengan tarikh pemberituannya, supaya maklumat yang terkandung dalamnya boleh didapati dengan mudah dan sepenuhnya; dan
- (d) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang lazim bagi pemegang simpanan.

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS Plenipotensiari yang bertandatangan di bawah, setelah diberi kuasa dengan sewajarnya, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT di Cape Town, pada enam belas hari bulan November, dua ribu satu, dalam salinan asal tunggal dalam bahasa Inggeris, Arab, Cina, Perancis, Rusia dan Sepanyol, kesemua teks sama sah, kesahihan itu berkuat kuasa apabila ditentusahkan oleh Urus Setia Bersama Persidangan di bawah kuasa Presiden Persidangan dalam masa sembilan puluh hari tentang ketepatan teks antara satu sama lain.

Lampiran

**BORANG PEMBATALAN PENDAFTARAN TIDAK BOLEH BATAL
DAN KEBENARAN PERMINTAAN EKSPORT**

Lampiran yang disebut dalam Perkara XIII

[Masukkan Tarikh]

Kepada: [Masukkan Nama Pihak Berkuasa Pejabat Pendaftaran]

Perkara: Pembatalan Pendaftaran Tidak Boleh Batal dan Kebenaran Permintaan Eksport

Penandatanganan di bawah ialah [pengendali] [pemunya]* berdaftar [masukkan nama pembuat kerangka pesawat udara/helikopter dan nombor model] yang menunjukkan nombor siri pembuat [masukkan nombor siri pembuat] dan pendaftaran [nombor] [tanda] [masukkan nombor/ tanda pendaftaran] (bersama-sama dengan semua aksesori, barang dan kelengkapan, yang dipasang, digabungkan atau dilekatkan, “pesawat udara”).

Surat cara ini ialah suatu pembatalan pendaftaran tidak boleh batal dan kebenaran permintaan eksport yang dikeluarkan oleh penandatanganan di bawah yang memihak kepada [masukkan nama pemiutang] (“pihak diberi kuasa”) di bawah kuasa Perkara XIII Protokol kepada Konvensyen tentang Kepentingan

* Pilih terma yang mencerminkan kriteria pendaftaran kenegaraan yang berkaitan.

Antarabangsa mengenai Kelengkapan Bergerak tentang Perkara-Perkara Khusus pada Kelengkapan Pesawat Udara. Mengikuti Perkara itu, penandatanganan di bawah dengan ini meminta:

- (i) pengiktirafan bahawa pihak diberi kuasa atau orang yang diperakukannya sebagai orang yang ditetapkan ialah orang tunggal yang berhak:
 - (a) memperoleh pembatalan pendaftaran pesawat udara daripada [masukkan nama daftar pesawat udara] yang disenggarakan oleh [masukkan nama pihak berkuasa pejabat pendaftaran] bagi maksud Bab III Konvensyen tentang Penerbangan Awam Antarabangsa, yang ditandatangani di Chicago, pada 7 Disember 1944, dan
 - (b) memperoleh pengeksportan dan pindahan fizikal pesawat udara dari [masukkan nama negara]; dan
- (ii) pengesahan bahawa pihak diberi kuasa atau orang yang diperakukannya sebagai orang yang ditetapkan boleh mengambil tindakan yang dinyatakan dalam fasal (i) di atas atas permintaan bertulis tanpa keizinan penandatanganan di bawah dan bahawa, selepas permintaan itu, pihak berkuasa dalam [masukkan nama negara] hendaklah bekerjasama dengan pihak diberi kuasa dengan tujuan untuk mendapatkan penyelesaian yang cepat bagi tindakan itu.

Hak yang memihak kepada pihak diberi kuasa yang diwujudkan oleh surat cara ini tidak boleh dibatalkan oleh penandatanganan di bawah tanpa keizinan bertulis pihak diberi kuasa.

Sila akui persetujuan anda kepada permintaan ini dan terma-termanya dengan notasi yang sesuai dalam ruang yang disediakan di bawah ini dan menyerah simpan surat cara dalam [masukkan nama pihak berkuasa pejabat pendaftaran].

[masukkan nama pengendali/pemunya]

Bersetuju dengan dan diserahkan Oleh: [masukkan nama penandatanganan]
[masukkan tarikh] : [masukkan jawatan penandatanganan]
[masukkan butir-butir notasi yang berkaitan]

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 659****AKTA KEPENTINGAN ANTARABANGSA MENGENAI
KELENGKAPAN BERGERAK (PESAWAT UDARA) 2006**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari– TIADA –

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 659

**AKTA KEPENTINGAN ANTARABANGSA MENGENAI
KELENGKAPAN BERGERAK (PESAWAT UDARA) 2006**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

– TIADA –
